



Universiti Malaysia  
**KELANTAN**

# Laporan Tahunan 2013

Universiti Malaysia Kelantan





Transformative \* Entrepreneurial \* Excellent



UMK

Laporan Tahunan

2013

Universiti Malaysia Kelantan



# Kandungan

◆◆	<b>Pengenalan / Kepimpinan</b>	<b>12</b>
◆◆	<b>Akademik dan Pengantarabangsa</b>	<b>20</b>
◆◆	<b>Tadbir Urus</b>	<b>28</b>
◆◆	<b>Pembangunan Pelajar</b>	<b>48</b>
◆◆	<b>Pendidikan Keusahawanan</b>	<b>56</b>
◆◆	<b>Penyelidikan dan Inovasi</b>	<b>62</b>
◆◆	<b>Pembangunan Prasarana</b>	<b>82</b>
◆◆	<b>Komuniti / Khidmat Masyarakat</b>	<b>106</b>
◆◆	<b>Prestasi &amp; Laporan Kewangan 2013</b>	<b>112</b>



**CanSelor**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SULTAN MUHAMMAD V**

D.K., D.M.N., D.K. (Selangor), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor) D.K. (Perak),  
D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.

**SULTAN YANG DI-PERTUAN BAGI NEGERI KELANTAN DARULNAIM DAN  
JAJAHAN TAKLUKNYA.**



# Pro Canselor

**YANG TERAMAT MULIA**

**DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ PETRA IBNI  
SULTAN ISMAIL PETRA**

**D.K., S.P.M.K.**

**TENGKU MAHKOTA KELANTAN**





**Y.BHG. TAN SRI DATO' SRI HAMAD  
KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN**

**Pengerusi  
Lembaga Pengarah Universiti**

## **DRAKATA PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**

Assalamualaikum dan salam hormat,

Saya mewakili seluruh Ahli Lembaga Pengarah ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan kasih sayang dan rahmatnya maka penerbitan buku Laporan Tahunan 2013 dapat direalisasikan untuk rujukan semua pihak.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengambil langkah sewajarnya untuk terus relevan dalam pendidikan keusahawanan, penyelidikan serta sumbangan professional dan khidmat masyarakat sejajar sebagai peneraju institusi keusahawanan nombor satu di rantau ini. Dalam memastikan UMK terus relevan, UMK telah menterjemahkan elemen-elemen seperti kesalinghubungan dengan masyarakat luar (*connectivity*), perkongsian dan aplikasi pintar serta konsep pembangunan bagi sifat dan kemahiran sendiri (*individualisation*) ke dalam sistem pembelajaran yang sedia ada.

Tenaga-tenaga pengajar UMK telah bersedia untuk mengajar ilmu-ilmu baru, sebagai contoh, keusahawanan menggunakan aplikasi telefon, ataupun pembangunan semula bangunan-bangunan warisan di bandar-bandar besar. Selain itu, cara penyampaian yang digunakan tenaga-tenaga pengajar juga ditambahbaik dengan penggunaan alat-alat seperti iPad dan juga media sosial seperti *Youtube* dan *Twitter*.

Cabaran-cabaran ini tidak terhad kepada program akademik sahaja malah infrastruktur yang sedia ada juga telah ditambahbaik bagi menyokong perubahan tersebut terutamanya di dalam program akademik. Kemudahan internet telah disediakan secara meluas dan pelajar-pelajar diberikan sokongan dalam mendapatkan latihan industri yang berkualiti.

Sebagai universiti keusahawanan dan perusahaan yang pertama di Malaysia, UMK harus bersedia untuk mengambil pendekatan yang lebih berani. UMK boleh diibaratkan seperti seorang usahawan. Bagi memperkasakan nama UMK, kita perlu berani mencuba dan mengambil risiko. Tenaga-tenaga pengajar UMK perlu melengkapi diri mereka dengan ilmu terkini dan ilmu keusahawanan. Infrastruktur Universiti juga perlulah berupaya menyokong keperluan pelajar serta tenaga pengajar.

Kepada semua staf Universiti semoga terus mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dalam sesebuah organisasi untuk melaksanakan perancangan dan hala tuju yang jelas. Budaya kerja yang mensasarkan prestasi tinggi perlu melibatkan keseluruhan warga Universiti walaupun kampusnya berpecah-pecah dan mempunyai tiga segmen. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua staf di yang sama-sama mengembleng usaha dan tenaga menyumbang kepada pembangunan UMK secara langsung mahupun tidak langsung.

Akhir kata, semoga dengan adanya laporan tahunan ini akan menjadi bahan rujukan yang berguna kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**Y.BHG. TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN**  
**Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti**



**Y.BHG. PROF. DATUK DR. RADUAN  
BIN HJ. CHE ROSE**

**Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan**

## KATA ALU-ALUAN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam 1 UMK,

UMK telah memasuki Fasa II pembangunannya mulai tahun 2012 dengan perpindahan beberapa fakulti ke Kampus baru Bachok dan Jeli. Ianya merupakan fasa yang sangat mencabar kerana perpindahan ini dilakukan dalam keadaan persekitaran kampus yang kurang bersedia dari segi infrastruktur, peruntukan kewangan serta sumber manusianya. Awal tahun berkenaan diistiharkan sebagai era transformasi UMK dengan pelbagai usaha-usaha untuk memantapkan dan membangunkan infrastruktur khususnya kemudahan pembelajaran dan pengajaran, penstrukturan organisasi, pembangunan sumber tenaga akademik dan bukan akademik serta pengukuhan program-program akademik yang ditawarkan. Segala usaha telah difokuskan kepada rancangan untuk menjelmakan UMK untuk menjadi sebuah Institusi Pendidikan yang boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah berbanding dengan semua Institusi Pengajian Tinggi negara dan antarabangsa. Sebagai teras pembangunan itu UMK telah menghayati semangat “Unik dan Berbeza”, sesuai dengan cogan dan lirik lagu yang sentiasa dinyayikan oleh warganya dan telah mengambil pendekatan “*market segmentation*” dan “*product differentiation*” dalam segala aspek tindakan.

Sebagai teras dan asas pembangunannya, tahun ini penekanan diberikan kepada aspek membudayakan kecemerlangan keusahawanan. Tema tahun ini menunjukkan bahawa UMK perlu dan akan terus serius dengan tujuan sebenar penubuhan UMK iaitu untuk memantapkan perannya sebagai sebuah universiti komprehensif berfokus kepada keusahawanan. Agenda utama yang digariskan adalah tertumpu kepada pembinaan persekitaran serta pemikiran keusahawanan di setiap pelusuk dan peringkat Universiti ini yang melibatkan seluruh warga samada akademik, pentadbir dan juga para pelajar.

Bagi menjayakan usaha ini, pelaksanaan program-program dari segi perubahan struktur, pemantapan strategi, pembudayaan kerja berprestasi tinggi dan beberapa inisiatif lain telah mula dilaksanakan. Ianya juga dilaksanakan dengan menerapkan semangat dan cara kerja yang memerlukan kebertanggungjawapan tinggi serta semangat ‘datang sebelum dipanggil, buat sebelum disuruh dan tidak berhenti sebelum habis’ dalam kalangan warganya. Dari aspek pembangunan akademik, sebilangan tenaga kepakaran bertaraf Profesor dan Felo Utama telah dibawa masuk untuk membina ‘*critical mass*’ akademik dan diwujudkan pendekatan mentor mentee kepada staf akademik bertujuan bagi meneliti dan mengetuai proses penambahbaikan program akademik. Kajian terhadap setiap kandungan kursus yang ditawarkan telah dilakukan disamping menyuburkan budaya peningkatan ilmu melalui penyelidikan dilakukan dengan menggunakan pendekatan kluster penyelidikan bagi bidang-bidang ilmu dan disiplin tertentu. Sokongan dalam aspek kewangan dan perjawatan juga telah diperolehi dengan kesefahaman yang mula dijalin bersama Agensi Pusat termasuk pihak Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan serta Jabatan Perkhidmatan Awam yang turut menyaksikan peningkatan dana belanja mengurus, pembangunan infrastruktur dan peruntukan perjawatan akademik dan bukan yang sesuai untuk menyokong agenda pembangunan yang menyeluruh itu.

Pada kesempatan ini saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama berusaha untuk membangunkan Universiti Malaysia Kelantan yang tercinta ini. Sesungguhnya segala pencapaian dan kejayaan Universiti bagi tahun 2013 merupakan hasil usahasama semua pihak yang sememangnya ingin melihat UMK terus gagah mendepani masa depan yang lebih gemilang. Saya amat berkeyakinan bahawa kerjasama kukuh yang diberikan oleh warga UMK akan membolehkan universiti ini keluar dari tahap kesederhanaan ini dan seterusnya dapat menjelmakan diri sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang boleh kita sama-sama banggakan. Saya juga percaya, jika semua berada di landasan yang betul, UMK kan muncul untuk menjadi universiti pilihan ramai bersandarkan kepada reputasi dan kredibiliti yang tinggi sesuai dengan semangat sentiasa relevan, unik dan berbeza.

Terima kasih.

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. RADUAN CHE ROSE**

Naib Canselor

Universiti Malaysia Kelantan



## MAKLUMAT KORPORAT UNIVERSTI

### LATAR BELAKANG

Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasnya UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Ia kemudiannya diluluskan penubuhan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006.

UMK merupakan satu-satunya universiti penuh yang ditempatkan di Negeri Kelantan Darul Naim. Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (entrepreneurship education). Oleh itu, frasa rangsangan "Entrepreneurial University" dan "Entrepreneurship is Our Thrust" digunakan dengan meluas.

Bagi jangka masa pendek dan sederhana, empat (4) kelompok bidang teras diberi penekanan iaitu Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli, Keusahawanan dan Peniagaan, Teknologi Kreatif dan Warisan dan Perubatan Veterinar. Pada masa yang sama, penekanan juga diberi kepada kemahiran bahasa dan insaniah. Program-program ini diwujudkan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi dan bermanfaat untuk kesejahteraan global. Perhatian diberi kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (Capability and Capacity Building of SMEs) dengan teknologi sebagai pengupaya dalam menggerakkan kejayaan.

### LOGO & FALSAFAH

- ❖ Ianya melambangkan sebuah Universiti Malaysia terletak di Negeri Kelantan dengan penekanan kepada huruf "U", "M" dan "K".
- ❖ Rekabentuk logo melambangkan dinamik, pemikiran terbuka dan merentasi zaman.
- ❖ Tiada tempoh masa dalam proses pembelajaran atau pembelajaran sepanjang hayat (PSH) seperti dilambangkan oleh "hourglass".
- ❖ Melambangkan dua tangan memohon restu, bersyukur dan redha.
- ❖ Menggambarkan unsur "chromosome" yang kreatif dan dinamik serta kejadian alam ( *a part of nature* )
- ❖ Warna "biru" untuk Malaysia, "merah" untuk Kelantan dan "pinang masak" untuk warisan.



❖ Penekanan kepada enam aspek utama iaitu :

- Keusahawanan
- Bahasa Ketiga
- ICT sebagai pengupaya
- Pembelajaran sepanjang hayat
- Modal insan berkualiti
- Keunikan dan relevan

## VISI, MISI & SLOGAN

### VISI

Peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

### MISI

UMK menyediakan :

- ❖ Program akademik berkualiti dan relevan,
- ❖ Penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi,
- ❖ Perkhidmatan yang memenuhi tanggungjawab sosial,

Yang mampu meningkatkan daya saing dalam keusahawanan;

UMK sentiasa mengutamakan keperluan pelanggan dan memenuhi kehendak pasaran dengan menyediakan persekitaran kondusif;

Dan

Warga UMK berpengetahuan, berkemahiran dan komited mengamalkan budaya kerja profesional, mengurus secara partisipatif serta melaksanakan penambahbaikan berterusan.

### SLOGAN

Transformative \* Entrepreneurial \* Excellent



## OBJEKTIF

- i. Menyediakan program pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada pembudayaan keusahawanan dan pembangunan insaniah.
- ii. Membangun modal insan berkualiti yang menyumbang dengan efektif kepada pembangunan negara dan dimanfaatkan oleh masyarakat.
- iii. Memperkasakan keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), penyelidikan dan inovasi, kepimpinan dan pengurusan.
- iv. Menerajui agenda pendidikan keusahawanan dalam pengajian tinggi.
- v. Menyediakan infrastruktur yang kondusif dan sistem sokongan yang berkualiti sebagai asas kepada pembangunan universiti keusahawanan.
- vi. Menjadikan universiti relevan kepada masyarakat dan industri melalui keusahawanan masyarakat (*social entrepreneurship*).
- vii. Mengamalkan sistem tadbir urus dan pengurusan kewangan yang efektif serta berintegriti tinggi.

## TERAS STRATEGI PEMBANGUNAN


- i. Membangun dan mengantarabangsakan program pengajian serta akademik universiti;
- ii. Membudayakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan;
- iii. Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti serta mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;
- iv. Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti keusahawanan;
- v. Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.





# PENGENALAN / KEPIMPINAN









**PENGERUSI**

- 01 Y.BHG. TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN**  
 Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad  
 (01/05/2011 - 30/4/2013)

**AHLI**

- 02 Y.BHG. PROF. DATUK DR. RADUAN BIN HJ. CHE ROSE**  
 Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan  
 (01/01/2012 - 31/12/2014)
- 03 Y.BHG. TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH**  
 Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia  
 (01/11/2012 - 31/10/2014)
- 04 Y.BHG. DATO' HAFSAH BINTI HASHIM**  
 Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corporation Malaysia (SME Corp.)  
 (01/08/2013 - 31/07/2016)
- 05 YB. DATO' SR. HAJI MD ALWI BIN HJ. CHE AHMAD**  
 ADUN Kok Lanas / Ahli Lembaga Juruukur Tanah Malaysia  
 (16/06/2011 - 15/06/2013)
- 06 Y.BHG. DATO' DR. HALIM BIN HAMAT**  
 Ketua Pegawai Eksekutif, Omega Point Capital Sdn. Bhd.  
 (01/08/2013 - 31/07/2016)


- 07 Y.BHG. DATO' AHMAD PARDAS SENIN**  
 Pengerusi Malaysian Director's Academy (MINDA)  
 (01/08/2013 - 31/07/2016)

- 08 Y.BHG. DATO' MAHAMED BIN HUSSAIN**  
 Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
 (01/11/2012 - 31/10/2014)

- 09 Y.BHG. DATO' DR. AWANG ADEK HUSSIN**  
 Timbalan Pengerusi, Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan  
 (01/08/2013 - 31/03/2014)

**SETIAUSAHA**

- 10 Y.BHG. PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK**  
 Pendaftar



**01** Y.BHG. PROF. DATUK DR. RADUAN BIN HJ. CHE ROSE  
Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan

**02** Y.BHG. PROF. DR. ROSELINA BINTI AHMAD SAUFI  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**06** Y.BHG. PROF. DR. IBRAHIM BIN CHE OMAR  
Pengarah, UMK Kampus Jeli

**03** Y.BHG. PROF. MADYA ABDUL AZIZ BIN AB. LATIF  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

**07** Y.BHG. PROF. DATUK ABDUL HALIM BIN SIDEK  
Penasihat Undang-Undang

**04** Y.BHG. PROF. DR. MOHAMAD KAMAL BIN HJ. HARUN  
Penolong Naib Canselor ( Penyelidikan, Inovasi & Keusahawanan

**08** Y.BRS. EN. AZMAN BIN HASHIM  
Ketua Pustakawan

**05** Y.BHG. PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK  
Pendaftar

**09** Y.BRS. EN. MOHD. YUSRI BIN AWANG  
Bendahari



## SENARAI AHLI SENAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) TAHUN 2013

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Che Rose  
Naib Canselor (Pengerusi)  
Pejabat Naib Canselor

Y.Bhg. Prof. Dr. Razak bin Wahab  
Dekan FSB  
Fakulti Sains Bumi

Y.Bhg. Prof. Datuk Abdul Halim bin Sidek  
Profesor FKP/ Penasihat Undang-Undang  
Universiti  
Bahagian Perundangan dan Governans

Y.Bhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi  
Timbalan Naib Canselor (A&A)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (A&A)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Azam Khan bin  
Goriman Khan  
Dekan FPV  
Fakulti Perubatan Veterinar

Y.Bhg. Dr. Wan Zahari bin Mohamed  
Profesor FPV  
Fakulti Perubatan Veterinar

Y.Bhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif  
Timbalan Naib Canselor (HEPA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA)

Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Anwar bin  
Mohamed Ismail  
Dekan FIAT  
Fakulti Industri Asas Tani

Y.Bhg. Prof. Dr. Haron bin Daud  
Profesor FTKW  
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Harun  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan &  
Inovasi)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan  
& Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Dr. Sazali bin Abd Wahab  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah  
Pusat Pengajian Siswazah

Y.Bhg. Prof. Dr. Zulkarnain bin Muhamad Sori  
Profesor FKP  
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim  
Dekan FKP  
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

Y.Bhg. Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar  
Pengarah Kampus Jeli  
Pejabat Pengarah Kampus Jeli

Y.Bhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik  
Muhammad  
Profesor FKP  
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

Y.Brs. En. Mohammad Nizamuddin bin Abdul  
Rahim  
Pengarah  
Pusat Kokurikulum Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Y.Bhg. Prof. Dr. Ibrahim bin Busu  
Profesor FSB  
Fakulti Sains Bumi

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Suria binti Baba  
Ketua Unit/Prof. Madya  
PUJAKA/PB



<p>Y.Bhg. Prof. Dr. Hishamuddin bin Md Som Profesor FKP Fakulti Keusahawanan &amp; Perniagaan</p>	<p>Y.Bhg. Datin Prof. Dr. Kalthum binti Hashim Profesor FPV Fakulti Perubatan Veterinar</p>	<p>Y.Brs. Prof. Madya Dr. Ghazali bin Ahmad Prof. Madya FKP Fakulti Keusahawanan &amp; Perniagaan</p>
<p>Y.Brs. Encik Mahfoor bin Harron Felo Utama, Jabatan Canselori Jabatan Canselori</p>	<p>Y.Bhg. Prof. Dr. Jasni bin Sabri Profesor FPV Fakulti Perubatan Veterinar</p>	<p>Y.Bhg. Dato' Norhalim bin Yunus Ketua Eksekutif Malaysian Technology Development Corporation Sdn.Bhd</p>
<p>Y.Brs. Prof. Madya Dr. Mohd Rosli bin Mohamad Pengarah Pusat Jaminan Kualiti &amp; Akreditasi</p>	<p>Y.Brs. Prof. Madya Dr. Seri Intan binti Mokhtar Prof. Madya FIAT Fakulti Industri dan Asas Tani</p>	<p>Y.Bhg. Dato' Sri Mohd. Nadzmi bin Mohd Salleh, Pengerusi Eksekutif NADICORP Holdings Sdn. Bhd</p>
<p>Y.Bhg. Prof. Dr. Abu Hassan bin Hasbullah Dekan FTKW Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan</p>	<p>Y.Bhg. Prof. Dr. Farok bin Zakaria Pengarah PPBPI Pusat Pengajian Bahasa Dan Insaniah</p>	<p>Y.Bhg. Prof. Dr. Raja Suzana binti Raja Kasim Profesor FKP Fakulti Keusahawanan &amp; Perniagaan</p>
<p>Y.Bhg. Prof. Rosdi bin Ab. Rahman Lantikan sbg Profesor Ketua Unit Kecemerlangan ECER-KPT-UMK (ECER),Pejabat Naib Canselor (PNC)</p>	<p>Y.Bhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak Profesor/ Pendaftar Pejabat Pendaftar</p>	<p>Y.Bhg.Prof. Dr. Abu Bakar bin Sade Profesor FKP Fakulti Keusahawanan &amp; Perniagaan</p>



## SENARAI AHLI SENAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) TAHUN 2013

### AHLI EX-OFFICIO

Y.Brs. Encik Azman bin Hashim  
Ketua Pustakawan  
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu

Y.Brs. Encik Yusri bin Awang  
Bendahari  
Pejabat Bendahari

### AHLI TURUT HADIR

Y.Brs. Encik Mansor bin Che Din @ Noordin  
Ketua Pusat Teknologi Maklumat  
Pusat Teknologi Maklumat



## AKADEMIK & PENGANTARABANGSAAN





## AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN

### Pembangunan Program Akademik

Menginjak ke usia tujuh tahun operasi, UMK terus berusaha untuk mencipta transformasi dalam melaksanakan fungsinya sebagai institusi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi (R&I) disamping khidmat komuniti. Asas kepada perbezaan dan keistimewaan yang cuba ditonjolkan di UMK adalah melalui penerapan elemen keusahawanan dan kepimpinan dalam semua sudut fungsinya sebagai sebuah institusi keilmuan.

Dalam mengorak langkah mencipta kelainan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran peringkat pascasiswazah, elemen keusahawanan dan kepimpinan turut diterapkan dalam program baharu yang mula ditawarkan pada Oktober 2013 iaitu Program Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA). Pengenalan program baharu peringkat PhD ini sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan program peringkat pascasiswazah baharu secara mod kerja kursus adalah dua program. Kedua-dua program

ini melengkapkan sejumlah 62 bidang penyelidikan yang ditawarkan semenjak tahun 2008 sehingga 2013.

Usaha untuk meletakkan UMK sebagai Institusi Pengajian Tinggi pilihan pelajar bergerak sejajar dengan pembangunan program-program akademik baharu yang berdaya saing dan sentiasa memenuhi kehendak pasaran kerjaya dan prospek pembangunan ekonomi negara. Menyedari hakikat ini, UMK telah menyediakan pilihan program-program yang cukup relevan dengan keperluan pasaran kerja semasa samada dalam bidang keusahawanan, pentadbiran perniagaan, sains, teknologi dan kesusasteraan. Pengenalan program baharu di Fakulti Sains Bumi iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Bahan dengan Kepujian berjaya menarik sejumlah 75 pelajar perintis yang ditawarkan bagi mengikuti program baharu ini. Pengenalan program baharu ini sekaligus menjadikan jumlah program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di UMK menjelang Sesi Akademik 2013/2014 adalah 18 program.



Fakulti	Program Yang Ditawarkan
Fakulti Sains Bumi	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) dengan Keahlian
Pusat Pengajian Siswazah	Doktor Pentadbiran Perniagaan

### Jadual A1 : Pertambahan Program Pengajian Baharu Yang Ditawarkan Pada Tahun 2013

Dalam usaha untuk memastikan kesemua program pengajian yang ditawarkan oleh UMK pada peringkat prasiswazah dan pascasiswazah mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pelbagai usaha telah dipergiatkan disetiap peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj) bagi memastikan kualiti akademik berada pada tahap yang mantap. Pengiktirafan JPA diperlukan bagi program-program pengajian prasiswazah yang mendapat kelulusan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) sebelum 1 Jun 2008. Manakala bagi program-program pengajian prasiswazah yang diluluskan oleh JPT pada atau selepas 1 Jun 2008, perakuan akreditasi yang dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) akan diterima pakai. Sehingga kini kesemua program pengajian prasiswazah yang telah diluluskan oleh JPT sebelum 1 Jun 2008 telah mendapat pengiktirafan JPA manakala kesemua program pascasiswazah mod penyelidikan telah dijalankan Audit Program Pascasiswazah oleh pihak MQA bermula pada 2 hingga 4 Disember 2013.



BIL.	NAMA PROGRAM	FAKULTI	TAHUN MULA PENAWARAN	MQR	JPA
1	SM Teknologi Kreatif dengan Kepujian	FTKW	2007	√	√
2	SM Pengajian Warisan dengan Kepujian	FTKW	2007	√	√
3	SM Sains Gunaan (Keusahawanan Teknologi Pertanian / Agroteknologi) dengan Kepujian	FIAT	2007	√	√
4	SM Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) dengan Kepujian	FSB	2008	√	√
5	SM Sains Gunaan (Sains Peternakan) dengan Kepujian	FIAT	2008	X	Khas Untuk Penyandang
6	SM Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kepujian	FIAT	2008	X	Khas Untuk Penyandang
7	SM Keusahawanan (Perdagangan) dengan Kepujian	FKP	2007	X	Khas Untuk Penyandang
8	SM Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian	FKP	2008	X	Khas Untuk Penyandang
9	SM Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian	FKP	2009	X	X
10	SM Keusahawanan (Keusahawanan Kesihatan) dengan Kepujian	FKP	2009	X	X
11	SM Keusahawanan (Logistik dan Perniagaan Pengedaran) dengan Kepujian	FKP	2011	X	X
12	SM Keusahawanan (Peruncitan) dengan Kepujian	FKP	2011	X	X
13	SM Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dengan Kepujian	FKP	2011	X	X
14	Doktor Perubatan Veterinar (Dahulunya dikenali sebagai SM Perubatan Veterinar)	FPV	2009 (5 thn.)	X	X
15	SM Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kepujian	FIAT	2009	X	X
16	SM Sains Gunaan (Sains Kelestarian) dengan Kepujian	FSB	2009	X	X
17	SM Sains Gunaan (Geosains) dengan Kepujian	FSB	2009	X	X
18	SM Sains Gunaan (Teknologi Bahan) dengan Kepujian	FSB	2013	X	X

**Jadual A2: Status Akreditasi/Pengiktirafan Program Prasiswazah, Universiti Malaysia Kelantan (Terkini 31 Disember 2013)**

### Enrolmen Pelajar


Pada tahun 2013, UMK telah melebarkan sayapnya dengan menawarkan program-program pengajian di Kampus Kuala Lumpur dan Pusat Pembelajaran Sarawak, khas bagi program pascasiswazah. Selaras dengan perkembangan ini, UMK telah mengorak langkah dengan lebih progresif dalam konteks pengambilan pelajar ke program-program pengajian pada peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

Seperti kelaziman, kemasukan pelajar peringkat prasiswazah dilaksanakan pada bulan September setiap tahun. Pada sesi 2013/2014 sejumlah 2604 orang pelajar telah ditawarkan tempat bagi mengikuti pengajian dalam 18 program yang ditawarkan. Sementara itu, sejumlah 191 orang pelajar peringkat pascasiswazah pula telah mendaftar pada bagi kedua-dua mod pengajian yang ditawarkan.




w	FAKULTI	PELAJAR BAHARU	
		PRASISWAZAH	PASCASISWAZAH
1.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)	1303	37
2.	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)	626	8
3.	Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)	38	13
4.	Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)	340	15
5.	Fakulti Sains Bumi (FSB)	297	7
6.	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI)	-	15
7.	Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPS)	-	96
<b>JUMLAH</b>		<b>2604</b>	<b>191</b>


Jadual B1: Jumlah Pelajar Baharu Yang Mendaftar Pada Sesi Akademik 2013/2014




Carta B1: Jumlah Pelajar Baharu Yang Mendaftar Pada Sesi Akademik 2013/2014



Carta B2: Enrolmen Pelajar Universiti Malaysia Kelantan Sesi Akademik 2013/2014



Carta B2: Enrolmen Pelajar Universiti Malaysia Kelantan Mengikut Fakulti Bagi Sesi Akademik 2013/2014



**Carta B3: Kadar Peningkatan Enrolmen Pelajar UMK 2007-2013**


### Penganugerahan Ijazah

Pada 26 hingga 27 Oktober 2013 telah berlangsungnya Majlis Konvokesyen Ketiga UMK. Pada majlis ini sebanyak 533 graduan pada peringkat prasiswazah telah dianugerahkan ijazah dalam bidang masing-masing. Pada majlis konvokesyen ini juga, UMK telah mencatat sejarah dengan penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah kepada 2 orang graduan dari Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan serta Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah bersama-sama dengan 5 orang graduan lain pada peringkat Sarjana dalam pelbagai bidang lain.

Fakulti	Program	Tajuk Tesis	Pelajar	Penyelia Utama/ Bersama
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	Doktor Falsafah (PhD) Pengurusan	Sumbangan Modal Insan dan Modal Fizikal Terhadap Pengeluaran Padi dan Pendapatan Pesawah	Mohamad Safri Ya	Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah	Doktor Falsafah (PhD) Pengajian Sejarah dan Peradaban	Kajian Kepimpinan Politik Pentadbiran Tun Abdullah Semasa Menjadi Perdana Menteri Kelima (2003-2009)	Iskandar Hasan Tan bin Abdullah	Dr. Nur Azuki Yusuff

**Jadual C1: Senarai Penerima Ijazah Doktor Falsafah Tahun 2013**

## PECAHAN GRADUAN MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN



**Carta C1: Pecahan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian 2013**

Menyerikan lagi Majlis Konvokesyen Ketiga UMK, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Sultan Muhammad V, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim dan Jajahan Takluknya sebagai Tuanku Canselor UMK telah berkenan menyampaikan anugerah kepada penerima Ijazah Kehormat seperti berikut:

**Puan Hj. Faiza Bawumi binti Sayed Ahmad**

Ijazah Kehormat Sarjana Keusahawanan  
( Keusahawanan Sosial )  
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

**YBrs. Allahyarham Seman bin Mamat**

Ijazah Kehormat Sarjana Sastera (Warisan)  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

**Jadual C2 : Senarai penerima Ijazah Kehormat tahun 2013**



## TADBIR URUS





### Program Wajib Dalam Perkhidmatan

Kursus yang perlu dihadiri oleh staf dibahagikan kepada dua (2) iaitu Program Transformasi Minda dan Program Kenali UMK seperti Jadual 1 berikut :-

Jadual 1

KURSUS WAJIB PERKHIDMATAN	JUMLAH
Program Transformasi Minda	51 / -
Program Kenali UMK	198 / -
Kursus Induksi Khusus : Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Khas)	23 / -

## Program Transformasi Minda

Program Transformasi Minda Bilangan 1/2013 (Kali Ke-1) telah dianjurkan pada 24 – 29 Ogos 2013 bertempat di Peladang Setiu Agro Resort, Setiu, Terengganu dengan melibatkan 51 orang peserta dari pelbagai gred dan kategori (Jadual 2). Penganjuran Program ini adalah berlandaskan daripada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012 yang menjelaskan mengenai pelaksanaan Program Transformasi Minda (PTM) sebagai satu daripada syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan mulai 01 Januari 2013.

**Jadual 2**

Kategori	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Wanita	
Akademik	14	35	49
Pentadbiran	1	1	2
<b>Jumlah</b>	<b>15</b>	<b>36</b>	<b>51</b>





## Program Kenali UMK

Idea bagi mewujudkan Program Kenali UMK teretus semasa mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Program Transformasi Minda Bil. 1/2013 pada 03 Jun 2013 selain membincangkan mengenai persediaan penganjuran PTM, turut membincangkan mengenai modul program yang akan menggabungkan modul Program Orientasi dan Modul Kursus Induksi Khusus.

Selain mesyuarat bersetuju dengan nama program ini, ahli jawatankuasa turut membincangkan mengenai maklumat dan pengetahuan yang perlu dan wajib diketahui oleh staf terutamanya staf baharu. Hasilnya modul Program Kenali UMK yang komprehensif dan menyeluruh. Program dua hari ini akan mendedahkan peserta dengan maklumat dan isu-isu terkini mengenai Universiti, akademik, hal ehwal pelajar, sumber manusia, kewangan dan keselamatan pekerjaan.

Pihak Universiti melalui Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 10/2013 (Kali ke-127) pada 19 September 2013 telah bersetuju bahawa:

- i. Program Kenali UMK adalah salah satu syarat bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan (untuk staf berstatus tetap) dan akan dipertimbangkan untuk penyambungan kontrak / perkhidmatan staf di UMK (bagi staf kontrak / sementara / sambilan).
- ii. Mana-mana staf baharu yang telah hadir ke Program Orientasi Staf dan Kursus Induksi Modul Khusus dikecualikan dari menghadiri program ini.

Program Kenali UMK telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali pada tahun ini iaitu pada 23 - 24 Jun 2013, 9 - 10 September 2013 dan 20 - 21 Oktober 2013 dan 29 - 30 Disember 2013 dengan penyertaan keseluruhan staf seramai 198 orang.

Para peserta program dinilai berdasarkan kepada kriteria berikut:

Kriteria	Markah (%)
Tugasan Individu (WAJIB)	40%
Ketepatan Masa	20%
Kehadiran	20%
Tingkah Laku	20%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>100%</b>

## Kursus Induksi Khusus Khas

Kursus Induksi Khusus Khas yang julung kali diadakan pada 06 hingga 07 Jun 2013 bertempat di Tok Aman Bali Beach Resort, Pasir Puteh merupakan salah satu syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan telah dihadiri oleh 23 orang pegawai pengurusan tertinggi dan staf berstatus tetap.

	Kumpulan	Bil. Staf	Hadir Latihan Lebih 42 jam	Hadir Latihan Kurang 42 jam	Belum Hadir Sebarang Latihan
Data berdasarkan staf berstatus tetap dan pinjaman sahaja.	Tertinggi Utama	4	3	1	0
	Tertinggi Khas	22	12	7	3
	Pengurusan & Profesional (Akademik)	147	100	32	15
	Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)	73	58	11	4
	Sokongan I	144	119	24	1
	Sokongan II	48	30	17	1
	Jumlah	438	322	92	24
	Peratus (%)	100%	73.52%	21%	5.48%

Peratusan prestasi kehadiran latihan staf melebihi 42 jam mencatatkan penurunan sebanyak 26.06% berbanding tahun sebelumnya. Antara faktor utama yang menyebabkan penurunan ini adalah tiada pemantauan prestasi latihan staf yang dibuat oleh Pusat Tanggungjawab (PTj). Sehubungan itu, mulai 20 Februari 2012, pihak Universiti telah melantik Penyelaras Latihan PTj yang mempunyai fungsi dan tanggungjawab antara lain, merancang dan menyelaras keperluan latihan staf untuk dilaporkan kepada Pejabat Pendaftar. Pelantikan tersebut dibuat berdasarkan kepada pencalonan dari Ketua PTj dan berkuatkuasa untuk tempoh dua (2) tahun.

### Latihan/ Kursus Jangka Pendek

#### Perbelanjaan Latihan Mengikut Jenis Bagi Tahun 2013

Jenis Latihan	Bilangan Kursus	Kos (Rm)	Catatan
<b>Dalam Negara</b>			
- Anjuran Dalaman	34	190,230.80	
- Anjuran Luar	308	187,084.23	
- Pembentangan Kertas Kerja (Akademik)	43 (49 orang)		
Peserta biasa	163 orang		
<b>Luar Negara</b>			
Pembentangan Kertas Kerja	34 (39 orang)		168,928.71 (Vot PTj)
Peserta biasa	14 orang	299,795.83	44,902.95 (Geran Penyelidikan)
<b>JUMLAH</b>		<b>677,110.86</b>	

Pada tahun 2013, pihak Universiti membelanjakan sebanyak RM677,110,86 bagi latihan staf latihan/kursus dalam dan luar Negara yang berjumlah 596.



### Pembentangan Kertas Kerja

Pihak Universiti dalam mempergiatkan pengantarabangsaan dan meningkatkan kualiti staf amat mengalakkan penglibatan staf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa terutama sebagai pembentang kertas kerja dan penyelidikan. Ini selaras dengan teras pertama strategi pembangunan Universiti iaitu membangun dan mengantarabangsakan program pengajian serta aktiviti akademik Universiti.

Justeru, tahun 2013 menyaksikan pertambahan sebanyak 19 kertas kerja yang dibentangkan di peringkat kebangsaan berbanding pada tahun 2012. Manakala sebanyak 34 kertas kerja telah dibentangkan oleh 39 orang staf di peringkat antarabangsa berbanding hanya 12 kertas kerja yang melibatkan 11 orang staf sahaja.

### Senarai Kursus Anjuran Dalam Dan Luar


LATIHAN	JUMLAH
Kursus / Latihan Anjuran Dalaman	37 / 28
Kursus / Latihan Anjuran Luaran	308 / 127

Kursus/latihan anjuran dalaman dan luaran telah menunjukkan peningkatan sebanyak 32 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ia memberikan impak besar kepada pembangunan sumber manusia Universiti di mana staf yang berkebolehan dan berkemahiran dapat dilahirkan demi kelestarian Universiti. Ini juga selaras dengan objektif Universiti Malaysia Kelantan yang berhasrat memperkasakan keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), penyelidikan dan inovasi, kepimpinan dan pengurusan.

## Peruntukan Cuti Belajar

PERKARA	PERUNTUKAN KPT	PENGISIAN							JUMLAH BIASISWA KPT	LAIN-LAIN
		FKP	FSB	FIAT	FTKW	FPV	PBI	JC		
Ph.D Luar Negara	90	4	11	2	10	4	9	1	39	1 (TURKI) 1 (HLP)
Ph.D Dalam Negara (UMK)		22	9	5	5	1	6	-	47	1
Sarjana (UMK)		6	-	-	1	-	4		10	1
<b>JUMLAH</b>	<b>90</b>	<b>32</b>	<b>20</b>	<b>7</b>	<b>16</b>	<b>5</b>	<b>19</b>	<b>1</b>	<b>96</b>	<b>4</b>

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukan sebanyak 90 kuota SLAB / SLAI kepada Universiti Malaysia Kelantan berbanding 118 kuota pada tahun 2012. Sehingga 31 Disember 2013, seramai 100 orang staf sedang Cuti Belajar dan daripada jumlah tersebut, 89 orang staf melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D dan 11 orang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana. Ia menunjukkan pertambahan sebanyak 23 peratus berbanding pada tahun 2012. Menjelang 2018, Universiti Malaysia Kelantan dijangka mencapai 70 peratus tenaga akademik yang berkelulusan Ph.D.





### Penggunaan Peruntukan Cuti Belajar

Penggunaan peruntukan Cuti Belajar Universiti Malaysia Kelantan telah menunjukkan penurunan sebanyak 63 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh kekurangan tutor yang memenuhi syarat melanjutkan pengajian. Oleh itu, pihak Universiti Malaysia Kelantan telah mewujudkan Skim Pensyarah Muda bagi memastikan kuota tersebut dapat dipenuhi pada tahun mendatang.

Perbandingan penggunaan keseluruhan kuota Kementerian bagi tahun 2013 dan 2012 adalah seperti yang terkandung dalam jadual berikut:

Program	Sarjana		PHD	
	Dalam Negara	Luar Negara	Dalam Negara	Luar Negara
SLAB	-	-	1	-
SLAI	-	-	5	6
HLP	-	-	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>7</b>



### Senarai Staf Yang Telah Tamat Cuti Belajar Dan Dianugerahkan Ph.d

Pihak Universiti mengucapkan tahniah kepada semua staf yang telah berjaya menamatkan pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah dan telah dianugerahkan Ph.D:

NAMA	FAKULTI	TEMPAT PENGAJIAN
Dr. Noraani Mustapha	FKP	UPM
Dr. Wee Yu Ghee	FKP	UM
Dr. Hasnita Binti Che Harun	FIAT	Glasgow University, UK
Dr. Ainon Jamilah Binti Ramli	FKP	Hull University, UK
Dr. Soon Jan Mei	FIAT	Royal Agriculture College, UK
Dr. Nazahatul Anis Binti Amaludin	FSB	University Of Aberdeen, UK
Dr. Wan Mohd Nazdrol Bin Wan Mohd Nasir	FKP	Victoria University, AUSTRALIA
Dr. Ikarastika Rahayu Binti Abdul Wahab	FIAT	Trinity College, DUBLIN
Dr. Ahmed Thalal Bin Hassan	PBI	UKM
Dr. Nik Raihan Binti Nik Yusoff	FSB	Brunel University, UK
Dr. Noorshella Binti Che Nawi	FKP	Victoria University, Australia
Dr. Leony Tham Yew Seng	FIAT	UKM





### Hebahan Semasa

Sepanjang tahun 2013, BPO telah mengeluarkan empat (4) hebahan semasa untuk makluman semua staf. Antara hebahan semasa yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

Hebahan Semasa	Tarikh
Kebeneran Memasuki Dan Meletakkan Kenderaan Di Dalam Kampus Selepas jam 6.00 Petang Pada Hari Bekerja	27 Februari 2013
Pemansuhan Pemakaian Batik Pada Hari Ahad	27 Februari 2013
Walkaton D'Raja Kelantan Sempena Karnival Walk With Me 2013	9 Jun 2013
Makluman Hari Kelepasan Am Pada 4 November 2013	31 Oktober 2013

## Pekeliling/ Peraturan Am Universiti

Dalam memastikan setiap keputusan Universiti dilaksanakan dan dipatuhi oleh semua staf, pihak Universiti dari semasa ke semasa telah mengeluarkan sebanyak 14 Pekeliling Pentadbiran sepanjang tahun 2013 seperti berikut:

Pekeliling Pentadbiran	Tarikh
Bil. 1/2013 Carta Organisasi UMK	2 Januari 2013
Bil. 2/2013 Larangan Pemalsuan Dokumen dan Meniru Tandatangan Pegawai, Ketua Jabatan Atau Pihak Pengurusan Universiti	2 Januari 2013
Bil. 3/2013 Peraturan Universiti Malaysia Kelantan (Lalu Lintas) 2013	4 April 2013
Bil. 4/ 2013 Pelantikan Baru Staf Akademik Bagi Menjawat Jawatan Pentadbiran	4 April 2013
Bil. 5/ 2013 Pelantikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Kelantan	18 April 2013
Bil. 6/ 2013 Makluman Cuti Peristiwa (Pilihan Raya Umum ke-13)	18 April 2013
Bil. 7/ 2013 Makluman Penggunaan <i>Tagline</i> , Objektif dan Teras Strategik Universiti Malaysia Kelantan Yang Baharu	23 Mei 2013
Bil. 8/ 2013 Garis Panduan Pengesahan Dalam Perkhidmatan UMK (Panduan Pentadbiran- Pengesahan Dalam Perkhidmatan UMK)	8 Mei 2013
Bil. 9/ 2013 Makluman Cuti Peristiwa (Perlawanan Akhir Bola Sepak Piala FA)	13 Jun 2013
Bil. 10/ 2013 Pelaksanaan Pemberian Kemudahan Cuti Bersalin Kepada Staf Berstatus Sementara Yang Tidak Disandarkan Pegawai Pada Jawatan Kosong/ Waran Yang Diluluskan Oleh Perbendaharaan Malaysia	25 Julai 2013
Bil. 11/2013 Makluman Pengeluaran Pelekat Kenderaan Bagi Sidang Akademik 2013-2014 Untuk Staf UMK	18 September 2013
Bil. 11A/ 2013 Makluman Cuti Peristiwa (Hari Raya Aidil Adha)	1 Oktober 2013
Bil 12/2013 Makluman Parkir Kenderaan Di Dalam Kawasan UMK Kampus Kota	1 Oktober 2013
Bil 13/2013 Pelantikan Sebagai Bendahari Universiti Malaysia Kelantan	9 Oktober 2013





**Prof. Datuk Abdul Halim Bin Sidek**  
Penasihat Undang-Undang Universiti Malaysia Kelantan

## Laporan Bahagian Perundangan Dan Governans, Pejabat Canselori Bagi Tahun 2013

Universiti Malaysia Kelantan telah mengorak langkah untuk menjalin hubungan bilateral bagi menjayakan hasrat Universiti dalam rangka kerjasama terutamanya dalam bidang akademik dan pembelajaran & pengajaran. Sepanjang tahun 2013, sebelas (11) memorandum persefahaman dan tujuh (7) surat niat telah ditandatangani.

Di antara kerjasama meliputi kerjasama dalam program pertukaran pelajar & staf, penyelidikan bersama, program bersama berkaitan keusahawanan, perniagaan dan lain-lain kerjasama akademik, pertukaran penerbitan & maklumat akademik, pertukaran serta perkongsian ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam bidang yang dipersetujui kedua-dua pihak dan bidang akademik yang lain.

### Surat Niat

Nama Institusi/ Agensi/ Industri
Hefei College of Finance and Economics (CHINA)
Pintar Elit Consulting Sdn. Bhd. (MALAYSIA)
Attached Middle School to The Central Academy of Art & Design (CHINA)
Northeast Agricultural University (CHINA)
Dato' Muhammad Ghani (DMG) Group of Companies (MALAYSIA)
Agricultural Chemicals (M) Sdn. Bhd. (MALAYSIA)
Hexagon Green Sdn. Bhd. (MALAYSIA)

### Memorandum Persefahaman

Nama Institusi/ Agensi/ Industri
Nevsehir University (TURKEY)
Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (MALAYSIA)
Kainar University (REPUBLIC OF KAZAKHSTAN)
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Universitas Padjadjaran (INDONESIA)
Jinnonghui Agricultural Materails Chain Co. Ltd. (CHINA)
Heilongjiang Academy of Sciences (CHINA)
Wow Labs Ltd & Babson Global & Office of the Special Representative to Muslim Communities of the State Department (UNITED KINGDOM)
Benevolent Fund For Outstanding Students (BFOS) (ARAB SAUDI)
Hasanuddin University (MAKASSAR, INDONESIA)
Kerajaan Malaysia (Agensi Nuklear Malaysia)
S.Seifullin Kazakh Agro Technical University (KAZAKHSTAN)

## Peraturan Universiti

Bahagian Perundangan dan Governans terlibat di dalam penggubalan statut dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Kelantan ( Tatatertib Pelajar-Pelajar ) 2013. Ianya telahpun dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk tindakan lanjut pihak mereka untuk dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum ianya diwartakan.

Bahagian Perundangan dan Governans telah menyediakan Peraturan Lalulintas UMK dan Kod Etika Staf UMK. Kedua-duanya masih dalam tindakan untuk percetakan dan akan diedarkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) di Universiti Malaysia Kelantan.

Di samping itu, Universiti Malaysia Kelantan juga turut menandatangani enam belas (16) perjanjian yang melibatkan pelbagai bentuk perjanjian termasuk penyewaan, pembekalan peralatan dan perkhidmatan serta perjanjian akademik.

## Perjanjian

Nama Institusi/ Agensi/ Industri
Syarikat Perumahan Negara Berhad (MALAYSIA)
VTLS Technologies Sdn. Bhd. (MALAYSIA)
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.
K.U.S Industries (M) Sdn. Bhd.
Babson Global Inc. (UNITED STATES OF AMERICA)
Tanjung Network Resources Sdn. Bhd.
Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia)
Small and Medium Enterprises Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) & UMK & Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) - Supplementary Agreement
E-Content (M) Sdn. Bhd.
TPM IT Sdn. Bhd.
K.U.S Industries (M) Sdn. Bhd.
E-Content (M) Sdn. Bhd.
Jutacom (M) Sdn. Bhd.
Damansara Consult & Supplies Sdn. Bhd.
Strategic Alliance Sdn. Bhd.



## PEMBANGUNAN PELAJAR





## PEMBANGUNAN PELAJAR

### Penerapan Nilai-Nilai Dan Atribut Keusahawanan Dalam Aktiviti Pelajar

Dalam melahirkan graduan usahawan (*enterprising graduates*) dan usahawan graduan (*graduate entrepreneurs*), UMK tidak hanya menitik beratkan akademik semata-mata tetapi turut menekankan aspek pembangunan sahsiah pelajar. Universiti sentiasa memberikan sepenuh komitmen dalam usaha menerapkan nilai dan atribut keusahawanan di kalangan pelajar selaras dengan *tagline* dan *motto* Universiti iaitu Entrepreneurship is Our Thrust dan Transformative\* Entrepreneurial \* Excellent.

Dalam merealisasikan perkara tersebut, semua aktiviti dan program pembangunan pelajar diterapkan dengan Atribut Graduan UMK dan nilai-nilai keusahawanan seperti berani mengambil risiko, kreatif dan inovatif, berilmu pengetahuan, kepimpinan, kemahiran keusahawanan dan kompetensi, kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, beretika, pencapaian tinggi dan lain-lain.





Antara program utama pelajar yang memberikan impak besar dan menjadi tumpuan ialah :-

Bil	PROGRAM
<b>Teras Keusahawanan</b>	
1	Pertandingan Perniagaan 1Malaysia, 27 Februari– 3 Mac 2013, Kuala Lumpur.
2	Ekspo Keusahawanan Pertanian, 23-25 Mei 2013, UMK Kampus Jeli
3	Woman in Social Enterprise (WISE) Siri 1/2013, 28 Jun – 28 Julai 2013, Sekitar Kelantan dan Besut
4	Pesta Konvokesyen UMK 2013
5	Social Enterprise for Economic Development (SEED), Siri 4 pada 25 Ogos – 6 September 2013, Teluk Renjuna dan Pantai Suri, Tumpat, Kelantan
<b>Teras Kesukarelawanan</b>	
1	Baktiswa Komuniti Perdana 1Malaysia Siswa 4U, 7 – 10 Februari 2013, Jeli
2	Khidmat Komuniti Mangsa Banjir IM4U, 7 Mac 2013, Rantau Panjang, Kelantan
3	University – Community Transformation Centre (UCTC) “Care for Malaysia”, 1 Mei 2013, Pantai Melawi
4	Coral Planting Event – Malaysia Book of Records, 3 – 5 September 2013, Pulau Perhentian
5	Misi Bantuan IM4U kepada Mangsa Banjir di Pahang, 16 – 18 Disember 2013, Kuantan



BIL	PROGRAM
<b>Teras Pengucapan Awam</b>	
1	Pertandingan Debat ASEAN, 1 – 3 Februari 2013, Kuala Lumpur, Peringkat Separuh Akhir
2	<i>Malaysia Inter-Varsity Minister of Higher Education Cup Debate</i> , 1 – 3 Mac 2013, Kuala Lumpur, Peringkat Separuh Akhir
3	<i>International Kelantan British Parliamentary Debate Competition</i> , 23 – 25 August 2013, Kota Bharu - Penganjur
<b>Teras Kepimpinan</b>	
1	Kursus Pemantapan Jatidiri MPP Sesi 2012/2013, 12 – 14 Februari 2013, Pulau Perhentian
2	Bengkel Pelan Strategik Mahasiswa, 17 – 19 Februari 2013, Pantai Cahaya Bulan
3	My LEAD Maktab Sultan Ismail & SMK Dato' Perdana, 21 -23 Februari 2013
4	Bengkel Cybertroopers dan Ikon Nur Al-Falah 2013, 15 – 17 Mac 2013, Pulau Redang
5	Program LEAD- MAKLUM, 4 – 6 Julai 2013, Kuala Terengganu
6	Majlis Pentauliahan dan Perhimpunan Kor SISPA 2013, 23 – 27 Ogos 2013, UTHM, Johor
7	Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Pentauliahan Kor SUKSIS IPTA, 3 September 2013, UIAM Gombak
<b>Teras Kebudayaan</b>	
54	Dr. Zakia Khanam	<i>Safed musli (Chlorophytum borivilianum): A review of its botany, ethnopharmacology and phytochemistry</i>	<i>Journal of Ethnopharmacology</i>	ISI
55	Prof. Madya Dr. Mohd Rafi bin Yaacob	<i>Strategic practices in hotel industry in Langkawi Island, Malaysia - does size matter?</i>	<i>International Journal of Social Science Research</i>	ISI
56	Dr. Wong Yee Ching	<i>Modification of grassy weeds as potential used cooking oil absorbent</i>	<i>Australian Journal of Basic and Applied Sciences</i>	ISI

Bil.	Penulis	Tajuk	Nama Jurnal	Sumber
57	Cik Basripuzi Nurul Hayyan binti Hassan Basri	<i>Presence of parasite larvae in goat manure for use as fertiliser</i>	<i>Pertanika Journal of Tropical Agricultural Science</i>	ISI
58	Prof. Madya Dr. Aweng Eh Rak	<i>Effects of gold mining on the physico-chemical water quality and benthic macroinvertebrate compositions of Sungai Sokor located in Sokor Forest Reserve, Tanah Merah, Kelantan, Malaysi</i>	<i>Journal of Applied Sciences in Environmental Sanitation</i>	ISI
59	Cik Basripuzi Nurul Hayyan binti Hassan Basri	<i>Evaluation of enhanced virgin coconut oil and senduduk ( Melastoma malabathricum) as anthelmintics against caprine strongyle nematodes</i>	<i>Tropical Biomedicine</i>	ISI
60	Cik Nurul Syaza binti Abdul Latif	<i>Modeling induced resistance to plant disease using a dynamical systems approach</i>	<i>Frontiers in Plant Science</i>	ISI
61	Prof. Dr. Razak bin Wahab	<i>Extractives, holocellulose, alpha-cellulose, lignin, and ash contents in 3 year-old bamboo culms Gigantochloa brang, G. levis, G. scortechinii and G. wrayi</i>	<i>Research Journal of Pharmaceutical, Biological and Chemical Sciences</i>	ISI
62	Prof. Dr. Razak bin Wahab	<i>Assessment on the durability of chemically treated Gigantochloa scortechinii in accelerated unsterile soil laboratory tests</i>	<i>Journal of Applied Sciences Research</i>	ISI
63	En. Mohd Sukhairi bin Mat Rasat	<i>Influence of wood particle size on strength properties of wood plastics composite (WPC) from Laran species</i>	<i>Journal of Applied Sciences Research</i>	ISI
64	Prof. Dr. Razak bin Wahab	<i>Properties of engineered oil palm composite boards from 32 year-old tree stems</i>	<i>Journal of Agricultural and Biological Science</i>	ISI
65	Prof. Dr. Razak bin Wahab	<i>Chemical composition of four cultivated tropical bamboo in genus Gigantochloa</i>	<i>Journal of Agricultural Science (Toronto)</i>	ISI
66	Dr. Mohamed Aurifullah	<i>Evaluation of anti-bacterial and anti-oxidant potential of andrographolide and echiodinin isolated from callus culture of Andrographis paniculata Nees</i>	<i>Asian Pacific Journal of Tropical Biomedicine</i>	ISI
67	Dr. Kumara Thevan A/L Krishnan	<i>Larval Growth Of Liosarcophaga Dux Thompson (Diptera: Sarcophagidae) Under Uncontrolled Indoor Temperatures In Malaysia</i>	<i>Southeast Asian Journal Of Tropical Medicine And Public Health</i>	ISI
68	Dr. Nor Azlina binti Ibrahim	<i>Biodegradation of oily wastewater by pure culture of Bacillus cereus</i>	<i>Journal of Agricultural and Biological Science</i>	ISI



### Anugerah Penyelidikan

Selaras dengan pertumbuhan geran penyelidikan, UMK juga berjaya menghasilkan lapan produk penyelidikan yang diiktiraf dalam pameran inovasi yang disertai sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa

Prestasi pencapaian UMK dalam pameran penyelidikan juga telah menunjukkan peningkatan dengan penambahan bilangan pingat yang telah dimenangi. UMK telah dianugerahkan 20 pingat bagi pelbagai kategori dalam pameran penyelidikan yang telah disertai.

International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2013  
(ITEX 2013)

9 – 11 Mei 2013

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur

Bil	Ketua Penyelidik	Nama Produk	Pingat
1	Encik Zulhisyam Bin Abdul Kari @ Abdullah	<i>Hatchery Standard Operating Procedure (SOP) For Mass Production of Brood stock Hirudinea Manillensis</i>	Emas
2	Dr. Lee Seong Wei	<i>My Floor Cleaner</i>	Emas
3	Prof. Madya Dr. Aweng Eh Rak	<i>Instant Tropical Herbal Rice</i>	Emas
4	En. Mohd Sukhairi Bin Mat Rasat	<i>Bio-Compressed Lumbers: Utilization of the Oil Palm Fronds Agricultural Residues</i>	Emas
5	Dr. Suhaimi Bin Othman	<i>Novel Technique for Mass Production of Quality Banana Planting Material</i>	Emas
6	En. Muhamad Najibul Muthiee Bin Che Yaacob	<i>Proportional Drawing Ads</i>	Perak
7	En. Muhamad Najibul Muthiee Bin Che Yaacob	<i>Integrated Projection Sketching Pen</i>	Perak
8	Dr. Yohan Karniawan	<i>Quranic Innovative Treatment System (QITS)</i>	Perak

#### Malaysia Technology Expo 2013 (MTE 2013)

21 – 23 Februari 2013

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur

Bil	Ketua Penyelidik	Nama Produk	Pingat
1	Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad	<i>CATED: Cataract Disease Early Detection System</i>	Perak
2	Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman	<i>SIAPA: Tracking and Monitoring System Key Performance Indicators of PBT by ADUN Based on WEB Technology and Database Discipline</i>	Perak
3	Prof. Dr. Razak Bin Wahab	<i>Eco-Friendly Machine For Enhancing Durability and Color Appearance of Wood</i>	Perak
4	Encik Mohd Sukhairi Bin Mat Rasat	<i>Cassava Composite Lumber: A Potential and Eco-friendly Material to Future Wood</i>	Gangsa
5	Prof. Dr. Ahmad Anwar Bin Mohamed Ismail	<i>HM Breeding Chamber</i>	Gangsa

#### Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2013 (Pecipta 2013)


7 – 9 November 2013

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur



Bil	Ketua Penyelidik	Nama Produk	Pingat
1	Dr. Khairul Azhar bin Mat Daud	<i>Digital Comic</i>	Perak
2	Prof. Dr. Razak bin Wahab	<i>Improvement and Enhancing Wood Color Appearances and Durability</i>	Gangsa
3	Prof. Madya Dr. Aweng Eh Rak	<i>KUNTHI: Natural Color, Flavor and Fragrance for Food Preparation</i>	Gangsa
4	Prof. Madya Dr. Aweng Eh Rak	<i>Instant Tropical Herbal Rice</i>	Gangsa
5	En. Mazlan bin Mohamed	<i>Nano Silver Thermal Pad</i>	Gangsa
6	En. Ahmad Tarmizi bin Azizan	<i>E-Gamelan Keromong</i>	Gangsa
7	En. Mohd Sukhairi bin Mat Rasat	<i>Bio-Compressed Lumbers: Utilization of the Oil Palm Fronds Agricultural Residues</i>	Gangsa

### Pencapaian Anugerah UMK 2012 - 2013



Selain menjadi faktor kepada peningkatan jumlah penerbitan universiti, peningkatan jumlah geran penyelidikan universiti juga telah menyumbang kepada peningkatan drastik kepada pencapaian anugerah hasil penyelidikan universiti. Ini dibuktikan melalui rajah di atas di mana pencapaian anugerah UMK pada tahun 2013 menunjukkan peningkatan sebanyak 300%.

Peningkatan jumlah anugerah yang telah dimenangi juga menunjukkan bahawa kualiti penyelidikan yang dilaksanakan oleh staf UMK telah menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Ini berikutan inisiatif yang telah diambil oleh universiti dengan melaksanakan pelbagai program bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan yang berimpak tinggi dan berpotensi untuk pengkomersilan.

### Harta Intelekt

Pada tahun 2013, Universiti Malaysia Kelantan telah memfailkan sebanyak enam (6) harta intelek untuk Tanda Dagangan dan Rekabentuk Industri.

Penyelidik	Nama Produk	Jenis IP	No. Rujukan
Prof. Madya Dr. Aweng Eh Rak	Instant Herb Rice	Tanda Dagangan	2013015220
Dr. Soon Jan Mei	My Jelastics	Tanda Dagangan	2013017299
Prof. Madya Dr. Aweng Eh Rak	Basilsorb	Tanda Dagangan	2011020396
En. Muhammad Najibul Muthiee bin Che Yaacob	Proportional Drawing Aid	Rekabentuk Industri	13013620101
Prof. Madya Abdul Aziz Shuaib	Pneumatic Luggage Pad	Rekabentuk Industri	13013620101
Prof. Madya Abdul Aziz Shuaib	Healthy Posture Base	Rekabentuk Industri	13003370101
Prof. Madya Abdul Aziz Shuaib	Children Teaching Cup	Rekabentuk Industri	13003400101

Peningkatan mendadak bilangan harta intelek yang telah didaftarkan pada tahun 2013 berbanding pada tahun sebelumnya telah menunjukkan keperihatinan UMK untuk memelihara setiap hasil penyelidikan yang dihasilkan oleh universiti. Peningkatan ini juga telah mendorong Universiti untuk mengorak langkah ke arah pengkomersilan hasil penyelidikan.



Penyertaan UMK dalam International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2013 (ITEX 2013)

Peningkatan mendadak bilangan harta intelek yang telah didaftarkan pada tahun 2013 berbanding pada tahun sebelumnya telah menunjukkan keperihatinan UMK untuk memelihara setiap hasil penyelidikan yang dihasilkan oleh universiti. Peningkatan ini juga telah mendorong Universiti untuk mengorak langkah ke arah pengkomersilan hasil penyelidikan.



Penyertaan UMK  
dalam Malaysia  
Technology Expo  
2013 (MTE 2013)

Penyelidik  
bersama anugerah  
penyelidikan  
yang dimenangi  
semasa pameran  
penyelidikan





## PEMBANGUNAN PRASARANA





## PEMBANGUNAN PRASARANA KAMPUS KOTA

### Pembangunan

Usaha memperkasakan universiti tidak akan lengkap tanpa kemudahan prasarana yang mantap. Bagi menyokong ekosistem Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang lebih kondusif. Lebih daripada 18 projek prasarana fizikal dan penceriaan kampus telah dilaksanakan melibatkan RM 23,064,551.25.

### Bangunan Dewan Terbuka Keusahawanan Umk Kampus Kota

Pembinaan Bangunan Dewan Terbuka Keusahawanan pada asalnya telah siap pada tahun 2010. Pada tahun 2013, pihak Universiti telah melaksanakan kerja naik taraf di dewan tersebut termasuk kerja menaik taraf lantai, pembinaan bangunan pentas dan lanskap. Kos keseluruhan kerja naik taraf ialah sebanyak RM 1 juta.

Dewan tersebut telah dibina menggunakan jenis kayu-kayan tempatan, malah memaparkan kandungan dan struktur seni serta teknologi warisan dalam semua aspek iaitu seni halus, seni reka dan seni ukir termasuk ketokohan tukang-tukang rumah Melayu dalam merekacipta dan membina konsep.

### Transformasi Ruang Pejabat Pusat Pengajian Siswazah

Projek ini merupakan ubahsuai dua unit ruang Dewan Kuliah aras satu kepada pejabat pentadbiran Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Pengubahsuaian ini menyediakan ruang pejabat yang kondusif bagi membolehkan staf dapat bekerja dengan selesa. Pejabat ini menempatkan seramai 12 orang staf dengan penyediaan ruang seperti Bilik Dekan, Bilik Mesyuarat dan ruang kerja staf. Penyediaan kaunter mengambilkira pergerakan pelajar dan turut dijadikan sebagai ruang menunggu lengkap dengan dinding tumpu berkemasan cat tekstur.

Projek ubahsuai ini melibatkan beberapa elemen iaitu kerja-kerja perobohan, kerja-kerja pembinaan baru, kelengkapan sanitari, kerja-kerja elektrik dan mekanikal serta pembekalan perabot.

### Transformasi Ruang Pejabat Fakulti Keusahawanan Dan Perniagaan

Projek ini merupakan ubahsuai empat unit ruang Dewan Kuliah kepada pejabat pentadbiran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan kerana perubahan polisi universiti yang mengariskan bahawa kesemua pejabat pentadbiran perlu berada di aras satu bangunan. Projek ini menyediakan ruang kerja kepada staf fakulti selain Bilik Dekan, Timbalan Dekan dan Bilik Mesyuarat. Selain itu, terdapat beberapa Bilik Pensyarah disediakan berdasarkan keperluan pelanggan.





PEMBANGUNAN PRASARANA



## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

### Ubah Sui Dan Naiktaraf Dewan Dan Bilik Kuliah, Umk Kampus Kota

Projek ubahsui ini merangkumi 16 unit Dewan dan Bilik Kuliah sedia ada di Kampus Kota. Kebanyakan ruang melibatkan naik taraf manakala terdapat beberapa ruang yang merupakan pejabat diubah suai menjadi Dewan Kuliah kerana pertambahan enrolmen pelajar setiap tahun.

Kesemua unit dilengkapi dengan perabot bina dalam bagi memberikan keselesaan kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Meja dan kerusi pelajar juga menggunakan perabot ergonomik untuk memastikan suasana yang kondusif. Selain itu, setiap ruang dilengkapi dengan kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran dan Teknologi Maklumat, seperti teaching console, projector dan alat pandang dengar, WIFI dan Interkom.

### Bilik Kuliah Pasca Siswazah

Universiti Malaysia Kelantan telah menyewa 1 unit premis di blok G untuk dijadikan sebagai bilik kuliah pascasiswazah. Ianya berfungsi sebagai ruang kerja bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran untuk pensyarah serta pelajar pascasiswazah.





### Bilik Pasca Siswazah

Projek ini merupakan projek ubahsuai sebuah bilik khas untuk kegunaan pelajar pasca siswazah. Bilik ini berfungsi sebagai tempat untuk pelajar siswazah mengadakan perbincangan atau menyiapkan tugas sementara. Memandangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran pelajar pascasiswazah adalah berbeza berbanding pelajar pra siswazah, bilik ini menggunakan pendekatan imej korporat dan kaedah *self-learning*. Bilik ini dilengkapi dengan ruang karrel, meja perbincangan dan peralatan seperti layar dan projektor untuk sesi pembentangan kertas kajian.

### Projek Lounge Kakitangan

Kedudukan fizikal UMK yang berada di tiga lokasi berbeza memerlukan kakitangan akademik dari sesebuah kampus untuk berkunjung ke kampus lain. Menyedari hakikat tersebut, Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa telah melahirkan hasrat untuk menyediakan sebuah ruang khas sebagai tempat persinggahan ketika menghadiri sesuatu program seperti seminar atau mesyuarat. Projek ini telah dimulakan di Kampus Kota untuk kakitangan akademik Kampus Bachok dan Kampus Jeli.



### Projek Bilik Mesyuarat Kursi Keusahawanan Maybank

Bilik Mesyuarat ini merupakan ruang yang menggantikan Bilik Mesyuarat Perdana yang akan dinaik taraf kepada Bilik Mesyuarat Senat. Ruang ini sangat penting dalam memastikan kelancaran tadbir urus universiti. Ini kerana Kampus Kota secara amnya dan Jabatan Canselor mengalami masalah kekurangan bilik mesyuarat. Kebanyakan pejabat yang telah dinaik taraf hanya mempunyai bilik atau ruang perbincangan akibat kekangan ruang.

Bilik ini mampu menampung bilangan ahli seramai 29 orang dan dilengkapi dengan ruang menunggu dan Bilik Jamuan. Bilik Jamuan menggunakan konsep buffet untuk 40 orang. Selain itu, bilik ini dilengkapi dengan peralatan audio visual seperti pembesar suara, mikrofon dan *smart television*.

## KECERIAAN DAN LANSKAP

### Pokok Bunga Hiasan, Kerusi Taman, Payung Dan Naik Taraf Lantai

Projek ini kerja-kerja keceriaan Kampus supaya kelihatan lebih menarik dan kondusif. Antara pokok-pokok bunga yang ditanam ialah adalah Bucida Hijau, Kemuning, Raphis, Sinar Mas serta *Bonsai*.

Selain itu, bagi mencantikkan lagi persekitaran UMK, beberapa biji kerusi serta payung peneduh telah dibekalkan di sekitar kawasan kampus. Kerusi ini berfungsi sebagai tempat menunggu untuk pelajar sebelum atau selepas memulakan pembelajaran. Ianya juga sesuai untuk dijadikan sebagai tempat perbincangan. Kerusi taman tersebut adalah fleksibel yang mana bila dilipat boleh dijadikan kerusi dan jika dibuka boleh dijadikan sebagai meja dan amat sesuai untuk perbincangan.

### Projek Lanskap Dewan Terbuka Keusahawanan

Projek ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang lebih menarik di kawasan Dewan Terbuka Keusahawanan memandangkan bangunan pentas dan dewan akan menggunakan konsep bangunan kayu. Rekabentuk lanskap ini menggabungkan elemen lanskap kejur dan lanskap lembut dengan mengambilkira rekabentuk dan bahasa senibina bangunan pentas. Skop yang terlibat ialah penanaman tumbuhan seperti pokok *Buchida Molineti*, *Bonsai*, *Carpet Grass* dan pembinaan kolam ikan, kotak pasu bunga dan pancuran air berbentuk tempayan untuk mewujudkan suasana yang nyaman.



### Projek Hiasan Dalaman Kiosk Unik 19 Di Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menyewa dan mengubahsuai satu ruang kiosk di Lapangan Terbang Kota Bharu mengikut konsep modul perniagaan sebagai pusat teras Universiti selain mempromosikan UMK kepada umum yang diberi nama 'UNiK 19'. Skop kerja adalah merangkumi kerja hiasan dalaman termasuk kerja perobohan hiasan dalaman sedia ada, kerja mengecat, bekalan dan pemasangan *signage*, kerja Mekanikal & Elektrikal dan kerja-kerja berkaitan.

### Projek Hiasan Dalaman Kiosk Di Balai Berlepas, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu



PEMBANGUNAN PRASARANA

Penyediaan galeri dan ruang lounge eksklusif dengan kos bernilai RM 169,000.00 adalah untuk kegunaan kakitangan universiti. Hiasan dalaman kiosk ini menggunakan konsep senibina nusantara dengan suntikan elemen kontemporari selari dengan peredaran masa.

Kiosk ini dilengkapi dengan ruang tempat duduk yang selesa, mini pantri untuk perletakan makanan ringan, ruang menonton televisyen dan wifi. Kakitangan boleh berehat di ruang ini sementara menunggu waktu berlepas.

Selain itu, terdapat ruang pameran barangan berkaitan universiti untuk jualan dan promosi. Ini kerana lapangan terbang merupakan lokasi tumpuan masyarakat dalam dan luar negeri yang menggunakan sistem pengangkutan udara.



## KAMPUS BACHOK

### Pembangunan Asrama Ibs UMK Kampus Bachok

Projek pembinaan Asrama Sementara Pelajar di Kampus Bachok ini telah siap sepenuhnya pada Januari 2013 dan mula beroperasi sepenuhnya pada sesi pembelajaran semester 2 2012/2013 iaitu pada Februari 2013. Beberapa projek kerja infrastruktur telah disiapkan pada hujung tahun 2013 termasuk kerja jalan, kafeteria serta kemudahan asas lain bagi memenuhi keperluan warga penghuni asrama.





PEMBANGUNAN PRASARANA

### Bangunan Teniat Umk Kampus Bachok

Pada tahun 2013 pihak universiti telah melaksanakan beberapa kerja infrastruktur dan kerja lanskap termasuk pembinaan pagar, kemudahan asas (tandas dan bekalan air) bagi melengkapkan pembinaan bangunan teniat yang luas keseluruhan tapak adalah 5400m<sup>2</sup>. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2014.

## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

### Graha Ilmu – Pejabat Perpustakaan Dan Pengurusan Ilmu Kampus Bachok

Pusat Sumber Kampus Bachok pada asalnya terletak di aras satu blok Bangunan Pentadbiran dan Gunasama dengan menggunakan ruang Bilik Kuliah. Akibat pertambahan bilangan bahan dan kekangan ruang ( beban lantai tidak direkabentuk untuk memenuhi keperluan sebuah pusat sumber ), pusat sumber baru dicadang dibina di atas kawasan terbuka di aras bawah blok yang sama.

Ruang ini menempatkan ruang rujukan terbuka, ruang bacaan, ruang karrel dan ruang kaunter. Selain itu, ruang ini turut terlibat dengan kerja hiasan dalam menggunakan bahan kayu dan pembinaan sebuah tangga kayu khas yang menghubungkan pusat sumber asal dengan ruang bawah dengan kos sebanyak RM 481k.



## KAMPUS KOTA

### Tranformasi Knowledge Space Pejabat Perpustakaan Dan Pengurusan Ilmu Kampus Kota

Pada tahun 2013 Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu (PPI) telah melaksanakan Projek Tranformasi Knowledge Space bagi memperkasa fungsi dan peranan PPI sebagai pusat rujukan ilmu utama dalam bidang keusahawanan dan pelbagai bidang pengajian yang ditawarkan di UMK dengan menyediakan ruang konduktif dan kondusif. Projek Tranformasi Ruang ini melibat beberapa inisiatif pengubahsuaian dan penaiktarafan ruang meliputi Entrepreneurship Resource Center (ERC), Research Consultation Room (RCR), Information Common Space (ICS) dan Executive Meeting Room (EMR) yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM230,000.00. Pelaksanaan Projek ini telah memberi impak yang sangat positif kepada Perkhidmatan Perpustakaan menerusi indikasi jumlah kunjungan pengguna Perpustakaan yang mencatatkan 8,619 kemasukan pengguna sepanjang tahun 2013 berbanding 3,896 kemasukan pengguna pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 147%. Selain disebabkan faktor pertambahan pelajar, peningkatan ini adalah didorong oleh persekitaran pembelajaran yang kondusif ditambah dengan penggunaan teknologi maklumat yang terkini seperti penggunaan iPad, iMac dan e-kandungan yang relevan dan terkini. Projek yang dijalankan ini turut meningkatkan kapasiti pengguna 150 orang pada satu masa.



PEMBANGUNAN PRASARANA

## KAMPUS JELI

### Kompleks Bangunan Berkonsep Kabin Untuk Pensyarah

Projek ini dibina di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli bagi menampung keperluan jumlah Pensyarah yang semakin meningkat di Kampus Jeli. Bangunan berkonsep kabin ini dibina untuk pensyarah sebagai ruang pejabat sementara dan akan berpindah ke Bangunan Akademik dan Pembelajaran (BAP) apabila bangunan ini siap sepenuhnya kelak. Projek ini telah siap sepenuhnya mengikut kontrak yang telah ditetapkan pada Oktober 2013.

### Bengkel Penyediaan Sampel Fakulti Sains Bumi (FSB)

Projek ini dibina untuk memenuhi keperluan serta menjadi kemudahan pembelajaran pelajar Fakulti Sains Bumi (FSB) dalam penyediaan sampel. Bengkel ini telah siap pada November 2013 dan telah mula digunakan bermula pada Disember 2013.

### Penambahan Ruang Pejabat Perpustakaan Dan Pengurusan Ilmu Kampus Jeli

Projek Penambahan Ruang Perkhidmatan Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu dilaksanakan pada Jun 2014 dengan bagi menambah ruang bahan dan ruang kapasiti pengguna bagi memenuhi keperluan pengguna bagi aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Kampus Bachok. Hasilnya Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu UMK Kampus Bachok boleh memuatkan sebanyak 23,000 naskah buku fizikal dan kapasiti pengguna 270 orang dalam satu-satu masa.





PEMBANGUNAN PRASARANA

## Memperkasa Infrastruktur ICT


Bagi menyokong ekosistem fizikal dan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di samping keperluan tadbir urus yang cekap dan berkesan, universiti juga telah melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan keperluan infrastruktur ICT. Projek-projek yang telah dijalankan sepanjang 2013 adalah seperti berikut :-

- i. Menaiktaraf rangkaian-rangkain utama UMK (UMKNET)
  - a. Peningkatan talian Malaysian Research & Education Network(MyREN) di UMK daripada 20Mbps ke 1Gbps.
  - b. Naiktaraf keupayaan talian Internet Protocol Virtual Private Network (IPVPN) di 5 lokasi UMK.
  - c. Pemasangan talian internet 50 Mbps di Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)
  - d. Pemindahan dan pemasangan talian internet 100 Mbps di Kampus Jeli
  
- ii. Peningkatan Kemudahan Wifi
  - a. Menyediakan perkhidmatan tanpa wayar di Asrama Kemumin Padang Tembak
  - b. Menyediakan perkhidmatan tanpa wayar di Asrama Pelajar Kampus Jeli
  - c. Menyediakan perkhidmatan tanpa wayar di Asrama IBS, Kampus Bachok
  - d. Menyediakan perkhidmatan tanpa wayar di kesemua Dewan Kuliah dan Bilik Kuliah, Universiti Malaysia Kelantan.
  
- iii. Pembangunan Infrastruktur Pusat Data & Pusat Pemulihan Bencana (DRC)





## Menaiktaraf Rangkaian-Rangkaian Utama (UMKNET)



Gambarajah keseluruhan rangkaian utama di Universiti Malaysia Kelantan. Terdapat 4 projek utama yang terlibat iaitu Implementasi talian **MyREN 1Gbps** di Kampus Kota, Menaiktaraf keupayaan **IPVPN** di 5 lokasi UMK, Pemindahan & Pemasangan talian internet **100 Mbps** di Kampus Jeli dan Pemasangan talian internet **50Mbps** di Fakulti Perubatan Veterinar & Kolej Kediaman Sri Kemumin.



### Implementasi Talian Litar Suwa MyREN 1 Gbps

Universiti Malaysia Kelantan merupakan salah satu daripada empat Institusi Pengajian Tinggi Awam yang terpilih untuk dinaiktaraf keupayaan talian Malaysian Research & Education Network (MyREN) daripada 20 Mbps kepada 1 Gbps. Skop capaian yang asalnya hanya untuk tujuan penyelidikan sahaja telahpun diperluaskan kepada capaian internet seperti *google*, *yahoo*, *MylX* dan sebagainya. Talian ini telah digunakan sepenuhnya untuk kegunaan warga UMK bagi mendapatkan maklumat, penyelidikan dan sebagainya.

### Naiktaraf Talian Internet Protocol Virtual Private Network (IPVPN)

Bagi membolehkan kesemua Kampus Utama dan asrama kediaman pelajar mendapat kemudahan akses ke internet, lima (5) lokasi telah dinaiktaraf dan dipasang talian Internet Protocol Virtual Private Network (IPVPN). Lokasi yang terlibat adalah seperti berikut :

Lokasi	Kapasiti Bandwith (Mbps)	
	Asal	Baru
Kampus Kota	32	240
Kampus Bachok	16	140
Kampus Jeli	16	16
Fakulti Perubatan Veterinar & Kolej Kediaman Sri Kemumin	-	60
Kolej Kediaman Taman Bator Harmoni	-	24

### Pemasangan Talian Litar Suwa Internet 100Mbps

Bagi menampung keperluan capaian internet pengguna di UMK Kampus Jeli, UMK telah mengambil inisiatif untuk memindahkan talian internet 100 Mbps sedia ada di UMK Kampus Kota ke Kampus Jeli. Bagi capaian aplikasi dalaman pengguna di Kampus Jeli akan dihubungkan secara automatik melalui IPVPN 16 Mbps.

### Pemasangan Talian Litar Suwa Internet 100Mbps

Kemudahan infrastruktur di Fakulti Perubatan Veterinar juga telah dipasang talian litar suwa 50 Mbps untuk akses ke internet. Pelajar di Kolej Kediaman Sri Kemumin juga dapat menikmati kemudahan yang disediakan.



## Peningkatan Kemudahan Wifi

Bagi tujuan pembelajaran secara maya, kemudahan wifi di kolej-kolej kediaman pelajar juga menjadi keutamaan. Pada tahun 2013, hampir kesemua kolej kediaman pelajar dibekalkan dengan kemudahan perkhidmatan wifi. Antara lokasi yang terlibat dengan peningkatan kemudahan wifi pada tahun 2013 adalah seperti :-

### • Kolej Kediaman Sri Kemumin

Konsep pemasangan wifi adalah secara *Hot Zone*. Bagi tahun 2013, Kawasan *Hot Zone* telah diperluaskan melibatkan penamabahan bilangan *Outdoor Access Point* di kawasan yang menjadi tumpuan pelajar. Perluasan kawasan *Hot Zone* ini juga menyebabkan banyak bilik pelajar mendapat signal wifi terutama bilik-bilik yang berdekatan dengan *Access Point*.

### • Kolej Kediaman Pelajar Kampus Bachok

UMK telah pun menyediakan kemudahan wifi di seluruh blok asrama. Kemudahan ini melibatkan pemasangan lebih 10 biji *Outdoor Access Point* di sekitar blok asrama dan juga sambungan *Point To Point* daripada Bangunan FTKW ke kolej kediaman pelajar.

### • Kolej Kediaman Pelajar Di UMK Kampus Jeli

PTM telah pun menyediakan kemudahan wifi di seluruh blok asrama. Kemudahan ini melibatkan pemasangan lebih 18 biji *Access Point* di sekitar blok asrama

Bagi blok A dan B sambungan *backhaul* adalah melalui kabel fiber optik daripada blok pentadbiran ke asrama


Manakala bagi blok asrama sementara menggunakan sambungan *Point To Point* daripada Bangunan Pentadbiran Kampus Jeli ke Asrama Pelajar.






## Kawalan dan pemantauan terhadap rangkaian internet


Bagi memastikan perkhidmatan dan kemudahan capaian rangkaian internet yang disediakan sentiasa berfungsi dalam keadaan yang optimum, beberapa sistem pemantauan rangkaian telah digunakan seperti UMK Nethealth dan PRTG Network Monitor.



UMK Nethealth merupakan salah satu sistem pemantauan rangkaian secara masa sebenar (*real time*). Melalui sistem ini, pentadbir rangkaian dapat memantau keadaan semua trafik rangkaian utama di UMK termasuk Kampus Bachok, Kampus Jeli, Pejabat, Fakulti dan Asrama luar kampus secara terpusat. Sekiranya berlaku kegagalan dalam rangkaian utama di UMK, maklumat tersebut akan dipaparkan melalui sistem ini.



## Pembangunan Pusat Data & DRC



Pembangunan pusat data baharu yang bertempat di Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan bagi memenuhi keperluan ICT yang semakin membesar dan menangani masalah infrastruktur Bilik *Server* sedia ada. Pembangunan ini melibatkan ruang sebesar 22.56 m<sup>2</sup> yang berupaya untuk menampung keperluan 150 *server* fizikal.

Pembangunan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) melalui kaedah sewaan ruang bertempat di CSF Computer Exchange 1, Cyberjaya. Pusat pemulihan ini menempatkan peralatan dan sistem yang berupaya untuk mengambil alih sebahagian fungsi aplikasi atas talian Universiti apabila berlaku kegagalan. Pembangunan pusat ini adalah mengikut standard piawaian ISMS MS ISO/IEC 27001:2007.

## Makmal Komputer Di Setiap Kampus


Bil	Kampus	Nama Makmal	Bilangan Makmal	Bilangan Komputer Peribadi
1	Bachok	Makmal Bahasa	2 Makmal	62
		Makmal Ftkw (Windows)	2 Makmal	62
		Makmal Ftkw (Mac)	2 Makmal	62
2	Kota	Makmal Bahasa	3 Makmal	93
		Makmal Gunasama	1 Makmal	31
3	Jeli	Makmal Bahasa	1 Makmal	31
		Makmal Gunasama	1 Makmal	31
<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>372</b>

## Senarai Pembangunan, Penyelenggaraan & Penstrukturan Semula Sistem 2013

Matlamat utama Pembangunan Aplikasi pada tahun 2013 adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan Sistem Aplikasi kepada pengguna dengan mengurangkan kelemahan-kelemahan yang ada seterusnya memastikan sistem dapat beroperasi seiring dengan proses kerja yang diamalkan di setiap jabatan.

Antara modul yang dibangunkan, diselenggara dan diberi nafas baharu adalah seperti berikut:

Modul-modul yang terlibat dalam kalendar tugas Pusat Teknologi Maklumat meliputi 3 skop utama iaitu pembangunan baharu, penyelenggaraan serta penstrukturan semula modul.



## PEMERKASAAN INFOSTRUKTUR

### Pengurusan Arkib

Selari dengan pelaksanaan Pendekatan Pengurusan Ilmu dan keperluan , Pejabat Pengurusan dan Pengurusan Ilmu telah membangunkan Sistem Pengurusan Rekod dan Arkib yang bertujuan sebagai pusat depositori dan repositori rekod pentadbiran merentasi pelbagai jabatan di UMK. Bagi Fasa 1, Projek yang dilaksanakan ini melibatkan peruntukan sebanyak RM 350,000.00. Hasilnya, secara berperingkat rekod-rekod pentadbiran yang bersifat semi aktif telah berjaya dideposit dan disimpan dalam sistem ini seterusnya memastikan setiap rekod pentadbiran di UMK diuruskan dengan sistematik selari dengan keperluan perundangan dan akauntabiliti. Semua rekod dan bukti serta maklumat yang terkandung dapat dilindungi agar ianya boleh dikesan dengan lebih cepat dan efektif melalui kaedah pengesanan yang mudah dan seragam.

### Repositori Bahan Ilmiah Universiti

Universiti Malaysia Kelantan Institutional Repository (UMK-IR) adalah merupakan repositori atas talian koleksi digital intelektual oleh komuniti Universiti Malaysia Kelantan. Institutional Repository (IR) ini juga merupakan satu platform bagi mendeposit, menyimpan, mendapatkan semula koleksi bahan-bahan ilmiah yang mempamerkan hasil penyelidikan dan koleksi terbitan yang dihasilkan oleh warga Universiti. Sehingga Disember 2013, bilangan bahan pelbagai jenis penerbitan ilmiah adalah seperti berikut :

Jenis Bahan	Jumlah
Artikel Jurnal/Article Journal	334
Kertas Persidangan/Conference Paper	208
Chapter of Book	33
Buku/ Books	11
Tesis & Dissertasi (Phd/Master)	17
Project Report (Undergraduate)	292
Buletin /Journal	6
Keratan Akhbar/ News Paper Cutting	673
Photo Gallery	158
Audio Gallery	7
Video Gallery	78
UMK News	77
Kertas Peperiksaan (E-Pams)	924
<b>Jumlah</b>	<b>2,818</b>

## Senarai Pembangunan, Penyelenggaraan & Penstrukturan Semula Sistem 2013

Matlamat utama Pembangunan Aplikasi pada tahun 2013 adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan Sistem Aplikasi kepada pengguna dengan mengurangkan kelemahan-kelemahan yang ada seterusnya memastikan sistem dapat beroperasi seiring dengan proses kerja yang diamalkan di setiap jabatan.

Antara modul yang dibangunkan, diselenggara dan diberi nafas baharu adalah seperti berikut:

Modul-modul yang terlibat dalam kalendar tugas Pusat Teknologi Maklumat meliputi 3 skop utama iaitu pembangunan baharu, penyelenggaraan serta penstrukturan semula modul.






## Pembangunan Koleksi Perpustakaan

Secara keseluruhan bahan rujukan fizikal bagi tahun 2013 adalah sebanyak 121,467 naskhah meliputi bahan rujukan bercetak dan bahan Audiovisual (cakera padat, kaset video dan video). Pada tahun 2013 juga pihak Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu telah memfokuskan penambahan bahan-bahan rujukan melalui *online* (atas talian) bagi menyokong keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UMK. Sehingga Disember 2013, sebanyak 28 pakej pangkalan data atas talian telah dilanggan. Manakala bagi Bahan Terbitan Bersiri, Pihak Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu telah melanggan sebanyak 219 judul. Perolehan bahan perpustakaan ini membolehkan Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu menyediakan lebih sumber rujukan pembelajaran dan penyelidikan bagi memenuhi keperluan rujukan maklumat oleh para pengguna khususnya bagi pelajar tahun akhir dan pelajar pascasiswazah.

Hasil perolehan sumber rujukan yang pelbagai ini telah membolehkan pengguna membuat carian komprehensif meliputi jurnal ilmiah, jurnal akses terbuka, paparan teks penuh, artikel-artikel dalam jurnal berimpak tinggi dan maklumat penyelidikan yang relevan. Selain daripada itu, perolehan pangkalan data atas talian yang komprehensif membantu pengguna membuat tapisan dan memilih jurnal dan rujukan yang sesuai sebagai media penyebaran artikel ilmiah ke seluruh dunia.





## KOMUNITI / KHIDMAT MASYARAKAT



## KOMUNITI DAN KHIDMAT MASYARAKAT

Universiti sentiasa berusaha memantap dan memperkasakan pembangunan modal insan secara bersepadu dan menyeluruh demi kemakmuran negara. Antara usaha yang giat dilaksanakan adalah meningkatkan kualiti dan kemahiran insaniah pelajar melalui pendekatan khidmat masyarakat.

Usaha ini selaras dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) yang berhasrat melahirkan modal insan yang menyokong teras Misi Nasional dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Sehubungan dengan itu, UMK telah memberi penekanan terhadap perkembangan aspek komuniti dan khidmat masyarakat melalui lima (5) atribut iaitu 'Atribut Keusahawanan', 'Persekitaran', 'Khidmat Komuniti', 'Kebudayaan' dan 'Sukan'. Antara program utama yang memberikan impak besar dan menjadi tumpuan ialah:-

### Atribut Keusahawanan

Program/ Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penglibatan
Pertandingan Perniagaan 1Malaysia	27 Februari – 3 Mac 2013	Kuala Lumpur	NGO, Staf, Pelajar
Ekspo Keusahawanan Pertanian	23 – 25 Mei 2013	UMK Kampus Jeli	Badan berkanun, NGO, Pelajar, Masyarakat Setempat
Persembahan sempena Agriculture Expo (AGX 2013) anjuran Kampus Jeli	24 Mei 2013	Kampus Jeli	Badan berkanun, NGO, Pelajar, Masyarakat Setempat
Woman in Social Enterprise (WISE) Siri 1/2013	28 Jun – 28 Julai 2013	Sekitar Kelantan dan Besut	Badan berkanun, NGO, Pelajar, Masyarakat Setempat
Social Enterprise for Economic Development (SEED) Siri 4	25 Ogos – 6 September 2013	Teluk Renjuna dan Pantai Suri, Tumpat, Kelantan	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Pesta Konvokesyen UMK 2013	23 -27 Oktober 2013	Sekitar Stadium Sultan Muhammad ke-IV	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat





### Atribut Persekitarana

Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penglibatan
Keceriaan Lestari	15 Mac 2013	Kampung Kemahang, Machang Kelantan.	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Jom Ceriakan Pantai Kita	1 Mei 2013	Pantai Melawi Bachok, Kelantan.	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Coral Planting Event - Malaysia Book of Records	3 - 5 September 2013	Pulau Perhentian	NGO, Badan Berkanun, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Program Minggu Alam Sekitar UNESCO	16 November 13	UMK Kampus Jeli	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat

### Atribut Khidmat Komuniti

Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penglibatan
Ceramah Maulidur Rasul SAW	11 Januari 2013	Kampus Kota	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Misi Lambaian Bumi Borneo	22 - 29 Januari 2013	Brunei dan Sarawak	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Program Mobiliti Dan Pengantarabangsaan Pelajar FTKW Ke Jogjakarta	27 - 29 Januari 2013	Jogjakarta, Indonesia	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Baktisiswa Komuniti Perdana 1Malaysia Siswa 4U	7 - 10 Februari 2013	Parlimen Jeli (DUN Bukit Bunga, DUN Kuala Balah Dan DUN Ayer Lanas) * Sesi Mahasiswa Bersama Menteri Mentor Diadakan Di Kediaman Rasmi Beliau Di Darul Falah	Organisasi Kerajaan, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat

### Atribut Khidmat Komuniti

Program/ Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penglibatan
My LEAD SMK Dato' Perdana	21-23 Februari 2013	Bachok, Kelantan	Staf, Pelajar, Sekolah
Khidmat Komuniti Mangsa Banjir IM4U	7 Mac 2013	Rantau Panjang, Kelantan	NGO, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Bantuan Mangsa Banjir oleh IM4U	7 Mac 2013	Rantau Panjang, Kelantan.	Organisasi Kerajaan, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Kursus Pengurusan Jenazah	9 Mac 2013	Masjid Mukim Gemang, Jeli	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Bayu Peach Projek (Mahasiswa Agen Keamanan)	4 April 2013	Dewan Terbuka Keusahawanan	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Menuju Ke Menara Gading	4 April 2013	SMK Ketereh, Kota Bharu, Kelantan.	Staf, Pelajar, Sekolah
IM4U UMK Bersama Masyarakat	5 April 2013	Kg Lembah, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan.	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
University – Community Transformation Centre (UCTC) "Care for Malaysia",	1 Mei 2013	Pantai Melawi	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Majlis Ramah Mesra Ahli IM4U Dan Kelab Darul Falah Bersama Menteri Mentor	17 – 18 Mei 2013	Pondok Moden, Jeli	Organisasi Kerajaan, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Bengkel Asas Pengurusan Pusat Sumber Pembelajaran di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli	25 Mei 2013	UMK Kampus Jeli	Pustakawan Muda, Staf, Pelajar, Sekolah
Titian Kasih IM4U UMK-MRSM	22 Jun 2013	Hospital Raja Perempuan Zainab, Kota Bharu, Kelantan	Staf, Pelajar, Sekolah
Program Menabur Budi Menuai Bakti Kelantan Selatan	27-28 Jun 2013	Gua Musang	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Program Iftar Jelajah Masjid : UMK Bersama Masyarakat Kelantan	24 Julai 2013	Madrasah Kampung Gemang Jeli	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Program Iftar Jelajah Masjid : UMK Bersama Masyarakat Kelantan	31 Julai 2013	Madrasah Haji Ali, Kampung Sabak Pengkalan Chepa	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat



Program Iftar Jelajah Masjid : UMK Bersama Masyarakat Kelantan	1 Ogos 2013	Madrasah al-Hidayah, Kampung Repet (Hilir) Bachok	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Program Pemantapan Kepimpinan Mahasiswa Kelantan 2013 Bersama Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed	23 – 24 Ogos 2013	PCB Resort	Organisasi Kerajaan, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Program Literasi Sedunia dan Program Sembang Petang bersama Sasterawan Negara	25 September 2013	UMK Kampus Bachok	Badan Berkanun, Staf, Pelajar, Sekolah,
Asean Regional Conference on Food Security 2013 (ARCoFS13)	8-10 Oktober 2013	Pulau Pinang	Organisasi Kerajaan, NGO, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Perjumpaan Menteri Mentor Bersama Pelajar	7 November 2013	Perkarangan Surau UMK Kampus Kota	Organisasi Kerajaan, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Majlis Bacaan Yasin Dan Tahlil	16 November 2013	Perkarangan Rumah Himpunan Siswazah Kelantan (HIMSAK)	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
UNESCO: World Food Day	20-22 November 2013	UMK Kampus Jeli	Organisasi Kerajaan, NGO, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Misi Bantuan IM4U kepada Mangsa Banjir di Pahang	16 – 18 Disember 2013	Kuantan	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
TIME FOR US PRS UMK Special Appearance with Menteri Mentor	21 Disember 2013	UMK Kampus Jeli	Organisasi Kerajaan, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Program SINAR ECER di Agropolitan Kelantan Selatan	April - Disember 2013	Gua Musang	Staf, Pelajar, Sekolah, Masyarakat Setempat

## Atribut Kebudayaan

Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penglibatan
Program International Universities Snow Sculpture Competition	3 - 9 Januari 2013	Harbin, China	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Brunei Exploration of Socio Cultural (BEST)	19 - 21 Januari 2013	Brunei	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
2nd PNU International English Language Speech Contest	4 - 6 Februari 2013	Narathiwat, Thailand	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Exploration Outreach Programme and Cultural Exchange	9 - 14 Oktober 2013	Indonesia	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Pertandingan Dikir Barat Badan-Badan Berkanun Peringkat Negeri Kelantan 2013 anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri	23 November 2013	Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan	Badan Berkanun, Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat

## Atribut Sukan

Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penglibatan
Karnival Sukan Parlimen Jeli	9 Mac 2013	UMK Kampus Jeli	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Ekspedisi Mendaki Gunung	9-11 Mei 2013	Chemerong, Berembun dan Lansir	Staf, Pelajar, Masyarakat Setempat
Karnival Sukan MASUM 2013	18-30 Ogos 2013	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Staf, Pelajar, IPT
Kejohanan Pencak Silat Piala Timbalan Perdana Menteri 2013	15 - 20 September 2013	Melaka	Staf, Pelajar, IPT
Pertandingan Bola Sepak Piala MASUM 2013	18 - 24 Oktober 2013		Staf, Pelajar, IPT
Kejohanan Lawns Bowl International	22 November - 1 Disember 2013	Kota Kinabalu, Sabah	Staf, Pelajar, IPT



## PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN 2013



## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2013


#### Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan

Keseluruhan pendapatan kumpulan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM189.67 juta berbanding RM117.21 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM72.46 juta atau 61.82%. Manakala keseluruhan perbelanjaan kumpulan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM127.62 juta berbanding RM104.01 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM23.61 juta atau 22.70%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan kumpulan adalah seperti dalam Jadual 1.1 dan Carta 1.1.

**Jadual 1.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan**

Perkara/Tahun	2013	2012	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	189.67	117.21	72.46	61.82
Perbelanjaan	127.62	104.01	23.61	22.70

**Carta 1.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan**




Pendapatan kumpulan yang berjumlah RM189.67 juta (2012 : RM117.21 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM167.61 juta (2012 : RM103.83 juta), yuran pelajar sebanyak RM17.46 juta (2012 : RM11.08 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM4.60 juta (2012 : RM2.30 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 88.37% daripada jumlah keseluruhan pendapatan kumpulan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan kumpulan adalah seperti Jadual 1.2 dan Carta 1.2.

**Jadual 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	167.61	88.37	103.83	88.59
Yuran Pelajar	17.46	9.21	11.08	9.45
Pendapatan Lain	4.60	2.42	2.30	1.96
<b>Jumlah</b>	<b>189.67</b>	<b>100.00</b>	<b>117.21</b>	<b>100.00</b>

**Carta 1.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan**




Perbelanjaan kumpulan yang berjumlah RM127.62 juta (2012 : RM104.01 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM31.60 juta (2012 : RM39.51 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM77.32 juta (2012 : RM48.21 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM5.34 juta (2012 : RM6.62 juta), perbelanjaan lain RM1.84 juta (2012 : RM0.26 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM11.52 juta (2012 : RM9.41 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 60.59% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kumpulan. Perbandingan komposisi perbelanjaan kumpulan adalah seperti Jadual 1.3 dan Carta 1.3.

**Jadual 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	31.60	24.76	39.51	37.99
Perkhidmatan & Bekalan	77.32	60.59	48.21	46.35
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	5.34	4.18	6.62	6.36
Perbelanjaan Lain	1.84	1.44	0.26	0.25
Susutnilai Tahunan	11.52	9.03	9.41	9.05
<b>Jumlah</b>	<b>127.62</b>	<b>100.00</b>	<b>104.01</b>	<b>100.00</b>

**Carta 1.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan**




### Pendapatan Dan Perbelanjaan Universiti

Keseluruhan pendapatan universiti bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM189.66 juta berbanding RM117.21 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM72.45 juta atau 61.81%. Manakala keseluruhan perbelanjaan universiti bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM129.26 juta berbanding RM103.98 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM25.28 juta atau 24.31%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan universiti adalah seperti dalam Jadual 2.1 dan Carta 2.1.

**Jadual 2.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Universiti**

Perkara/tahun	2013	2012	PERBEZAAN	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	189.66	117.21	72.45	61.81
Perbelanjaan	129.26	103.98	25.28	24.31

**Carta 2.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Universiti**




Pendapatan universiti yang berjumlah RM189.66 juta (2012 : RM117.21 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM167.61 juta (2012 : RM103.83 juta), yuran pelajar sebanyak RM17.46 juta (2012 : RM11.08 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM4.59 juta (2012 : RM2.30 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 88.37% daripada jumlah keseluruhan pendapatan universiti. Perbandingan komposisi sumber pendapatan universiti adalah seperti Jadual 2.2 dan Carta 2.2.

**Jadual 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	167.61	88.37	103.83	88.59
Yuran Pelajar	17.46	9.21	11.08	9.45
Pendapatan Lain	4.59	2.42	2.30	1.96
<b>Jumlah</b>	<b>189.66</b>	<b>100.00</b>	<b>117.21</b>	<b>100.00</b>

**Carta 2.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Universiti**




Perbelanjaan universiti yang berjumlah RM129.26 juta (2012 : RM103.98 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM31.29 juta (2012 : RM39.51 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM80.44 juta (2012 : RM48.19 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM5.34 juta (2012 : RM6.62 juta), perbelanjaan lain RM0.67 juta (2012 : RM0.25 juta) dan susutnilai tahunan sebanyak RM11.52 juta (2012 : RM9.41 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 62.23% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan universiti. Perbandingan komposisi perbelanjaan universiti adalah seperti Jadual 2.3 dan Carta 2.3.

**Jadual 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	31.29	24.21	39.51	38.00
Perkhidmatan & Bekalan	80.44	62.23	48.19	46.34
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	5.34	4.13	6.62	6.37
Perbelanjaan Lain	0.67	0.52	0.25	0.24
Susutnilai Tahunan	11.52	8.91	9.41	9.05
<b>Jumlah</b>	<b>129.26</b>	<b>100.00</b>	<b>103.98</b>	<b>100.00</b>

**Carta 2.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Universiti**



### Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang (Asas Tunai)

Perbelanjaan universiti dibiayai oleh empat (4) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Penyelidikan dan Amanah. Pendapatan dan perbelanjaan setiap kumpulan wang mengikut asas tunai adalah sebagaimana berikut:-


#### (a) Kumpulan Wang Mengurus

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM161.00 juta berbanding RM98.61 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM62.39 juta atau 63.27%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM117.81 juta berbanding RM95.47 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM22.34 juta atau 23.40%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti dalam Jadual 3.1 dan Carta 3.1.

**Jadual 3.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus**

Perkara/Tahun	2013	2012	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	161.00	98.61	62.39	63.27
Perbelanjaan	117.81	95.47	22.34	23.40

**Carta 3.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus**




Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM161.00 juta (2012 : RM98.61 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM146.53 juta (2012 : RM89.10 juta), yuran pelajar sebanyak RM12.72 juta (2012 : RM8.49 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM1.75 juta (2012 : RM1.02 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 91.01 % daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.2 dan Carta 3.2.

**Jadual 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	146.53	91.01	89.10	90.36
Yuran Pelajar	12.72	7.90	8.49	8.61
Pendapatan Lain	1.75	1.09	1.02	1.03
<b>Jumlah</b>	<b>161.00</b>	<b>100.00</b>	<b>98.61</b>	<b>100.00</b>

**Carta 3.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus**




Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus yang berjumlah RM117.81 juta (2012 : RM95.47 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM31.28 juta (2012 : RM39.45 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM71.33 juta (2012 : RM44.31 juta), pemberian & kenaan bayaran tetap sebanyak RM2.47 juta (2012 : RM2.69 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM7.21 juta (2012 : RM7.78 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM4.92 juta (2012 : RM1.00 juta) dan perbelanjaan lain RM0.60 juta (2012 : RM0.24 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 60.55% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti Jadual 3.3 dan Carta 3.3.

**Jadual 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	31.28	26.55	39.45	41.32
Perkhidmatan & Bekalan	71.33	60.55	44.31	46.41
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	2.47	2.09	2.69	2.82
Hartanah, Loji & Peralatan	7.21	6.12	7.78	8.15
Projek Dalam Kemajuan	4.92	4.18	1.00	1.05
Perbelanjaan Lain	0.60	0.51	0.24	0.25
<b>Jumlah</b>	<b>117.81</b>	<b>100.00</b>	<b>95.47</b>	<b>100.00</b>

**Carta 3.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus**




### (b) Kumpulan Wang Pembangunan

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM15.32 juta berbanding RM29.16 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM13.84 juta atau 47.46%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM12.09 juta berbanding RM31.61 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM19.52 juta atau 61.75%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti dalam Jadual 4.1 dan Carta 4.1.

**Jadual 4.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan**

Perkara/Tahun	2013	2012	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	15.32	29.16	(13.84)	(47.46)
Perbelanjaan	12.09	31.61	(19.52)	(61.75)

**Carta 4.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan**




Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM15.32 juta (2012 : RM29.16 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM15.19 juta (2012 : RM28.81 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM0.13 juta (2012 : RM0.35 juta). Pemberian kerajaan adalah terdiri daripada RM5.00 juta (2012 : RM24.81 juta) bagi Development Expenditure (DE) dan RM10.19 juta (2012 : RM4.00 juta) bagi Private Finance Initiative (PFI). Pemberian kerajaan - PFI merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 66.51 % daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.2 dan Carta 4.2.

**Jadual 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan - DE	5.00	32.64	24.81	85.08
Pemberian Kerajaan - PFI	10.19	66.51	4.00	13.72
Pendapatan Lain	0.13	0.85	0.35	1.20
<b>Jumlah</b>	<b>15.32</b>	<b>100.00</b>	<b>29.16</b>	<b>100.00</b>

**Carta 4.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan**




Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM12.09 juta (2012 : RM31.61 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM0.65 juta, pemberian & kenaan bayaran tetap sebanyak RM1.00 juta, perolehan hartanah, loji & peralatan RM5.75 juta (2012 : RM6.84 juta) dan bayaran projek dalam kemajuan RM4.69 juta (2012 : RM24.77 juta). Tiada perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan dan pemberian & kenaan bayaran tetap pada tahun 2012. Perbelanjaan ke atas perolehan hartanah, loji & peralatan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 47.56% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti Jadual 4.3 dan Carta 4.3.

**Jadual 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Perkhidmatan & Bekalan	0.65	5.38	-	-
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1.00	8.27	-	-
Hartanah, Loji & Peralatan	5.75	47.56	6.84	21.64
Projek Dalam Kemajuan	4.69	38.79	24.77	78.36
<b>Jumlah</b>	<b>12.09</b>	<b>100.00</b>	<b>31.61</b>	<b>100.00</b>

**Carta 4.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan**




### (c) Kumpulan Wang Penyelidikan

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM8.91 juta berbanding RM1.37 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM7.54 juta atau 550.36%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM0.95 juta berbanding RM0.23 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.72 juta atau 313.04%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti dalam Jadual 5.1 dan Carta 5.1.

**Jadual 5.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan**

Perkara/Tahun	2013	2012	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	8.91	1.37	7.54	550.36
Perbelanjaan	0.95	0.23	0.72	313.04

**Carta 5.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan**



Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM8.91 juta (2012 : RM1.37 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sahaja. Pemberian kerajaan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan adalah terdiri daripada peruntukan penyelidikan untuk 'Fundamental Research Grant Scheme' (FRGS) sebanyak RM1.57 juta (2012 : RM0.10 juta) dan Knowledge Transfer Programme Grant' (KTPG) sebanyak RM0.31 juta (2012 : RM0.29 juta).


Manakala peruntukan penyelidikan bagi 'Long Term Research Grant Scheme' (LRGS) sebanyak RM1.25 juta (2012 : RM0.34 juta) dan 'Research Acculturation Grant Scheme' (RAGS) sebanyak RM0.80 juta (2012 : RM0.39 juta). Peruntukan penyelidikan bagi 'Niche Research Grant Scheme' (NRGS) yang berjumlah RM4.98 juta merupakan skim penyelidikan baharu yang diterima pada tahun 2013. Pada tahun 2013 juga, tiada peruntukan penyelidikan diterima bagi 'Exploratory Research Grant Scheme' (ERGS) (2012 : RM0.01 juta) dan 'Research Acculturation Collaboration Effort' (RACE) (2012 : RM0.24 juta).

Peruntukan penyelidikan NRGS merupakan peruntukan penyelidikan yang terbesar iaitu 55.89% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.2 dan Carta 5.2.

**Jadual 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan - FRGS	1.57	17.62	0.10	7.30
Pemberian Kerajaan - ERGS	-	-	0.01	0.73
Pemberian Kerajaan - KTPG	0.31	3.48	0.29	21.17
Pemberian Kerajaan - RACE	-	-	0.24	17.52
Pemberian Kerajaan - LRGS	1.25	14.03	0.34	24.82
Pemberian Kerajaan - RAGS	0.80	8.98	0.39	28.46
Pemberian Kerajaan - NRGS	4.98	55.89	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>8.91</b>	<b>100.00</b>	<b>1.37</b>	<b>100.00</b>

**Carta 5.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan**



Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan yang berjumlah RM0.95 juta (2012 : RM0.23 juta) adalah merangkumi perkhidmatan & bekalan sebanyak RM0.73 juta (2012 : RM0.213 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM0.17 juta (2012 : RM0.005 juta) dan perolehan hartanah, loji & peralatan RM0.05 juta (2012 : RM0.01 juta). Pada tahun 2013, tiada perbelanjaan ke atas emolumen (2012 : RM0.002 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 76.84% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan adalah seperti Jadual 5.3 dan Carta 5.3.

**Jadual 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	-	-	0.002	0.87
Perkhidmatan & Bekalan	0.73	76.84	0.213	92.61
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	0.17	17.90	0.005	2.17
Hartanah, Loji & Peralatan	0.05	5.26	0.010	4.35
<b>Jumlah</b>	<b>0.95</b>	<b>100.00</b>	<b>0.230</b>	<b>100.00</b>

**Carta 5.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan**




**(d) Kumpulan Wang Amanah**

Keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM12.99 juta berbanding RM12.70 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.29 juta atau 2.28%. Manakala keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM9.81 juta berbanding RM7.74 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM2.07 juta atau 26.74%. Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti dalam Jadual 6.1 dan Carta 6.1.

**Jadual 6.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah**

Perkara/Tahun	2013	2012	Perbezaan	
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Pendapatan	12.99	12.70	0.29	2.28
Perbelanjaan	9.81	7.74	2.07	26.74

**Carta 6.1 : Perbandingan Pendapatan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah**




Pendapatan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM12.99 juta (2012 : RM12.70 juta) adalah merangkumi pemberian kerajaan sebanyak RM5.54 juta (2012 : RM9.18 juta), yuran pelajar sebanyak RM4.74 juta (2012 : RM2.59 juta) dan pendapatan lain sebanyak RM2.71 juta (2012 : RM0.93 juta). Pemberian kerajaan merupakan sumber pendapatan terbesar iaitu 42.65% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi sumber pendapatan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.2 dan Carta 6.2.

**Jadual 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Pemberian Kerajaan	5.54	42.65	9.18	72.28
Yuran Pelajar	4.74	36.49	2.59	20.40
Pendapatan Lain	2.71	20.86	0.93	7.32
<b>Jumlah</b>	<b>12.99</b>	<b>100.00</b>	<b>12.70</b>	<b>100.00</b>

**Carta 6.2 : Perbandingan Komposisi Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Amanah**




Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah yang berjumlah RM9.81 juta (2012 : RM7.74 juta) adalah merangkumi emolumen sebanyak RM0.01 juta (2012 : RM0.05 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM7.73 juta (2012 : RM3.67 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak RM1.71 juta (2012 : RM3.92 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM0.29 juta (2012 : RM0.09 juta) dan perbelanjaan lain RM0.07 juta (2012 : RM0.01 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 78.80% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah. Perbandingan komposisi perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah adalah seperti Jadual 6.3 dan Carta 6.3.

**Jadual 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Emolumen	0.01	0.10	0.05	0.65
Perkhidmatan & Bekalan	7.73	78.80	3.67	47.42
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1.71	17.43	3.92	50.64
Hartanah, Loji & Peralatan	0.29	2.96	0.09	1.16
Perbelanjaan Lain	0.07	0.71	0.01	0.13
<b>Jumlah</b>	<b>9.81</b>	<b>100.00</b>	<b>7.74</b>	<b>100.00</b>

Carta 6.3 : Perbandingan Komposisi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah




#### Perolehan Hartanah, Loji Dan Peralatan

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM13.30 juta berbanding RM14.72 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM1.42 juta atau 9.65%. Perolehan hartanah, loji & peralatan adalah merangkumi perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM7.21 juta (2012 : RM7.78 juta). Manakala perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Pembangunan dan Penyelidikan masing – masing berjumlah RM5.75 juta (2012 : RM6.84 juta) dan RM0.05 juta (2012 : RM0.01 juta). Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Amanah adalah sebanyak RM0.29 juta (2012 : RM0.09 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan mengikut kumpulan wang adalah seperti Jadual 7.1 dan Carta 7.1.

Jadual 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji Dan Peralatan (Kumpulan Wang)

PERKARA/TAHUN	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	7.21	54.21	7.78	52.85
Kumpulan Wang Pembangunan	5.75	43.23	6.84	46.47
Kumpulan Wang Penyelidikan	0.05	0.38	0.01	0.07
Kumpulan Wang Amanah	0.29	2.18	0.09	0.61
<b>Jumlah</b>	<b>13.30</b>	<b>100.00</b>	<b>14.72</b>	<b>100.00</b>

Carta 7.1 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji Dan Peralatan (Kumpulan Wang)




Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan terdiri daripada perolehan bangunan & pembaikan bangunan berjumlah RM6.60 juta (2012 : RM8.20 juta), kemudahan & pembaikan kemudahan berjumlah RM0.34 juta (2012 : RM0.93 juta), kenderaan & jentera berjumlah RM1.43 juta (2012 : RM0.01 juta) serta alat kelengkapan berjumlah RM4.93 juta (2012 : RM5.58 juta). Perbandingan komposisi perolehan hartanah, loji & peralatan mengikut kategori adalah seperti Jadual 7.2 dan Carta 7.2.

**Jadual 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji Dan Peralatan (Kategori)**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Bangunan & Pembaikan Bangunan	6.60	49.62	8.20	55.70
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	0.34	2.56	0.93	6.32
Kenderaan & Jentera	1.43	10.75	0.01	0.07
Alat Kelengkapan	4.93	37.07	5.58	37.91
<b>Jumlah</b>	<b>13.30</b>	<b>100.00</b>	<b>14.72</b>	<b>100.00</b>

**Carta 7.2 : Perbandingan Komposisi Perolehan Hartanah, Loji Dan Peralatan (Kategori)**



### Tambahan Projek Dalam Kemajuan

Bayaran projek dalam kemajuan adalah sebanyak RM9.61 juta berbanding RM25.77 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM16.16 juta atau 62.71%. Bayaran projek dalam kemajuan merangkumi bayaran daripada Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM4.92 juta (2012 : RM1.00 juta) dan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM4.69 juta (2012 : RM24.77 juta). Jumlah projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan ke hartanah, loji & peralatan adalah sebanyak RM13.52 juta (2012 : RM65.17 juta) bagi Kumpulan Wang Pembangunan. Manakala jumlah projek dalam kemajuan yang diklasifikasikan ke hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus adalah sebanyak RM5.36 juta (2012 : RM2.22 juta). Perbandingan komposisi tambahan projek dalam kemajuan adalah seperti Jadual 8.1 dan Carta 8.1.

**Jadual 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	4.92	51.20	1.00	3.88
Kumpulan Wang Pembangunan	4.69	48.80	24.77	96.12
<b>Jumlah</b>	<b>9.61</b>	<b>100.00</b>	<b>25.77</b>	<b>100.00</b>

**Carta 8.1 : Perbandingan Komposisi Tambahan Projek Dalam Kemajuan**



### Aset, Tanggungan Dan Kumpulan Wang (Kumpulan)

Keseluruhan aset kumpulan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM496.48 juta berbanding RM371.38 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM125.10 juta atau 33.69%. Aset kumpulan yang berjumlah RM496.48 juta (2012 : RM371.38 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM256.86 juta (2012 : RM201.02 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM46.92 juta (2012 : RM56.18 juta) dan aset semasa sebanyak RM192.70 juta (2012 : RM114.18 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan kumpulan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM59.68 juta berbanding RM4.98 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM54.70 juta atau 1,098.39%. Tanggungan kumpulan yang berjumlah RM59.68 juta (2012 : RM4.98 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM7.49 juta (2012 : RM3.55 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM52.19 juta (2012 : RM1.43 juta).


Jumlah aset bersih kumpulan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM436.80 juta berbanding RM366.40 juta pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM70.40 juta iaitu 19.21%.

Keseluruhan aset dan tanggungan kumpulan diwakili oleh enam (6) Kumpulan Wang seperti Jadual 9.1 dan Carta 9.1.

**Jadual 9.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)**

Perkara/Tahun	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	117.70	26.63	64.72	17.66
Kumpulan Wang Pembangunan	255.39	57.78	246.69	67.32
Kumpulan Wang Penyelidikan	9.81	2.22	1.87	0.51
Kumpulan Wang Amanah	49.49	11.20	46.15	12.59
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	7.00	1.58	7.00	1.91
Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	(2.59)	0.59	(0.03)	0.01
<b>Jumlah</b>	<b>436.80</b>	<b>100.00</b>	<b>366.40</b>	<b>100.00</b>

Carta 9.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Kumpulan)



### Aset, Tanggungan Dan Kumpulan Wang (Universiti)

Keseluruhan aset universiti bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM440.42 juta berbanding RM371.41 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM69.01 juta atau 18.58%. Aset universiti yang berjumlah RM440.42 juta (2012 : RM371.41 juta) adalah merangkumi hartanah, loji & peralatan sebanyak RM221.74 juta (2012 : RM201.02 juta), pelaburan dalam anak syarikat sebanyak RM1.50 juta (2012 : RM1.50 juta), projek dalam kemajuan sebanyak RM46.92 juta (2012 : RM56.18 juta) dan aset semasa sebanyak RM170.26 juta (2012 : RM112.71 juta).

Manakala keseluruhan tanggungan universiti bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM5.23 juta berbanding RM4.98 juta pada tahun 2012, ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.25 juta atau 5.02%. Tanggungan universiti yang berjumlah RM5.23 juta (2012 : RM4.98 juta) adalah merangkumi tanggungan semasa sebanyak RM3.12 juta (2012 : RM3.55 juta) dan tanggungan jangka panjang sebanyak RM2.11 juta (2012 : RM1.43 juta).


Jumlah aset bersih universiti bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM435.19 juta berbanding RM366.43 juta pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM68.76 juta iaitu 18.76%.

Keseluruhan aset dan tanggungan universiti diwakili oleh lima (5) Kumpulan Wang seperti Jadual 10.1 dan Carta 10.1.

**Jadual 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)**

PERKARA/TAHUN	2013		2012	
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	%
Kumpulan Wang Mengurus	113.50	26.08	64.72	17.66
Kumpulan Wang Pembangunan	255.39	58.69	246.69	67.32
Kumpulan Wang Penyelidikan	9.81	2.25	1.87	0.51
Kumpulan Wang Amanah	49.49	11.37	46.15	12.60
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	7.00	1.61	7.00	1.91
<b>Jumlah</b>	<b>435.19</b>	<b>100.00</b>	<b>366.43</b>	<b>100.00</b>

**Carta 10.1 : Perbandingan Komposisi Kumpulan Wang (Universiti)**





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.



Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### *Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikar gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Kelantan dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia kecuali yang dinyatakan di perenggan *Emphasis of Matter*.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.



*Emphasis of Matter*

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap butiran penghutang yang berjumlah RM4,056,021. Penghutang terdiri daripada penghutang pelajar, penghutang amanah, penghutang pelbagai, pinjaman kakitangan dan pendahuluan. Terdapat perbezaan terhadap amaun penghutang pelajar berjumlah RM505,775 iaitu antara lejar am berjumlah RM1,026,513 dan laporan pengumuran berjumlah RM1,532,288 pada 31 Disember 2013.

**(LIM CHIN TEONG)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
28 OGOS 2014





#### PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN dan PROFESOR DATUK DR. RADUAN BIN HJ. CHE ROSE, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

NAMA : Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama  
Piah bin Che Othman  
GELARAN : Pengerusi Lembaga  
TARIKH : 22 AUG 2014  
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan

Bagi pihak Lembaga,


NAMA : Profesor Datuk Dr. Raduan  
bin Hj. Che Rose  
GELARAN : Naib Canselor  
TARIKH : 22 AUG 2014  
TEMPAT : Kota Bharu, Kelantan



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Saya MOHD YUSRI BIN AWANG, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh Penama di atas )  
di (tempat).....KOTA BHARU )  
pada .....20 AUG 2014 )

  
.....  
No. K/P : 690803-03-5241

Di hadapan saya,



Lot 2-1, Kompleks Mara,  
Jalan Dato' Pati,  
15000 Kota Bharu,  
Kelantan,  
Tel: 09-744 3376


**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2013**

	Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
<b>HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	4	256,865,835	201,024,272	221,740,749	201,024,272
<b>PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT</b>	5	-	-	1,499,998	1,499,998
<b>PROJEK DALAM KEMAJUAN</b>	6	46,915,900	56,176,830	46,915,900	56,176,830
<b>ASET SEMASA</b>					
Inventori		14,880	-	-	-
Penghutang	7	2,546,335	1,459,282	4,056,021	1,468,968
Deposit dan Prabayar	8	22,270,757	2,854,504	5,328,874	2,854,504
Simpanan Tetap		99,142,768	43,875,553	99,142,768	43,875,553
Tunai di Tangan dan di Bank	9	68,726,341	65,991,475	61,731,338	64,514,733
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>		<b>192,701,081</b>	<b>114,180,814</b>	<b>170,259,001</b>	<b>112,713,758</b>
Tolak:-					
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pemiutang	10	262,365	1,487,439	582,873	1,487,439
Deposit dan Pelbagai Terakru	11	1,862,449	1,359,536	1,843,190	1,357,973
Manfaat Pekerja	12	694,834	704,523	694,834	704,523
Pinjaman	13	4,666,886	-	-	-
<b>JUMLAH LIABILITI SEMASA</b>		<b>7,486,534</b>	<b>3,551,498</b>	<b>3,120,897</b>	<b>3,549,935</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		<b>185,214,547</b>	<b>110,629,316</b>	<b>167,138,104</b>	<b>109,163,823</b>
		<b>488,996,282</b>	<b>367,830,418</b>	<b>437,294,751</b>	<b>367,864,923</b>
<b>DIBIYAI OLEH:-</b>					
Kumpulan Wang Mengurus	14	117,704,051	64,720,896	113,504,051	64,720,896
Kumpulan Wang Pembangunan	15	255,385,265	246,688,835	255,385,265	246,688,835
Kumpulan Wang Penyelidikan	16	9,807,020	1,875,707	9,807,020	1,875,707
Kumpulan Wang Amanah	17	49,492,812	46,147,836	49,492,812	46,147,836
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	18	7,000,000	7,000,000	7,000,000	7,000,000
Kerugian Terkumpul Anak Syarikat	19	(2,587,077)	(34,507)	-	-
		436,802,071	366,398,767	435,189,148	366,433,274
Kepentingan Minoriti		2	2	-	-
		436,802,073	366,398,769	435,189,148	366,433,274
<b>LIABILITI JANGKA PANJANG</b>					
Manfaat Pekerja	12	2,105,603	1,431,649	2,105,603	1,431,649
Pinjaman	13	50,088,606	-	-	-
<b>JUMLAH LIABILITI JANGKA PANJANG</b>		<b>52,194,209</b>	<b>1,431,649</b>	<b>2,105,603</b>	<b>1,431,649</b>
		<b>488,996,282</b>	<b>367,830,418</b>	<b>437,294,751</b>	<b>367,864,923</b>



**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

	Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
<b>PENDAPATAN</b>					
Pemberian Kerajaan	20	167,611,832	103,831,647	167,611,832	103,831,647
Yuran Pelajar	21	17,457,146	11,076,772	17,457,146	11,076,772
Pendapatan Lain	22	4,605,509	2,302,872	4,593,574	2,301,983
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>189,674,487</b>	<b>117,211,291</b>	<b>189,662,552</b>	<b>117,210,402</b>
<b>PERBELANJAAN</b>					
Emolumen		31,595,238	39,508,725	31,290,166	39,508,725
Perkhidmatan dan Bekalan		77,317,545	48,208,360	80,442,788	48,192,773
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		5,342,990	6,615,938	5,342,990	6,615,938
Perbelanjaan Lain		1,843,796	263,466	670,916	250,466
Susutnilai Tahunan		11,523,828	9,411,494	11,514,432	9,411,494
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>127,623,397</b>	<b>104,007,983</b>	<b>129,261,292</b>	<b>103,979,396</b>
<b>LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI</b>					
Percukaian		62,051,090	13,203,308	60,401,260	13,231,006
		(2,400)	-	-	-
<b>LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>62,048,690</b>	<b>13,203,308</b>	<b>60,401,260</b>	<b>13,231,006</b>


**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
 PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**
**KUMPULAN  
 2013**

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Kerugian Terkumpul Anak Syarikat RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari	64,720,896	246,688,835	1,875,707	46,147,836	7,000,000	(34,507)	366,398,767
Pelarasan tahun lepas	(115,143)	-	(45,000)	(46,364)	-	-	(206,507)
Seperti yang dinyatakan semula	64,605,753	246,688,835	1,830,707	46,101,472	7,000,000	(34,507)	366,192,260
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	53,098,298	135,309	7,976,313	3,391,340	-	(2,552,570)	62,048,690
	117,704,051	246,824,144	9,807,020	49,492,812	7,000,000	(2,587,077)	428,240,950
<b>Geran Kerajaan Tertunda</b>							
Perubahan dalam tahun semasa	-	8,561,121	-	-	-	-	8,561,121
<b>Baki Pada 31 Disember 2013</b>	<b>117,704,051</b>	<b>255,385,265</b>	<b>9,807,020</b>	<b>49,492,812</b>	<b>7,000,000</b>	<b>(2,587,077)</b>	<b>436,802,071</b>

**2012**

	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan RM	Kerugian Terkumpul Anak Syarikat RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari	58,145,894	221,708,564	749,525	41,067,052	7,000,000	(6,809)	328,664,226
Pelarasan tahun lepas	(128,118)	-	-	29,761	-	-	(98,357)
Seperti yang dinyatakan semula	58,017,776	221,708,564	749,525	41,096,813	7,000,000	(6,809)	328,565,869
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	6,703,120	350,681	1,125,182	5,051,023	-	(27,698)	13,203,308
	64,720,896	222,059,245	1,875,707	46,147,836	7,000,000	(34,507)	341,769,177
<b>Geran Kerajaan Tertunda</b>							
Perubahan dalam tahun semasa	-	24,629,590	-	-	-	-	24,629,590
<b>Baki Pada 31 Disember 2012</b>	<b>64,720,896</b>	<b>246,688,835</b>	<b>1,875,707</b>	<b>46,147,836</b>	<b>7,000,000</b>	<b>(34,507)</b>	<b>366,398,767</b>



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	UNIVERSITI 2013					UNIVERSITI 2012								
	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kaitangan RM	Kerugian Terkumpul Anak Syarikat RM	Jumlah RM	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Amanah RM	Kumpulan Wang Pinjaman Kaitangan RM	Kerugian Terkumpul Anak Syarikat RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari	64,720,896	246,688,835	1,875,707	46,147,836	7,000,000	-	366,433,274	58,145,894	221,708,564	749,525	41,067,052	7,000,000	-	328,671,035
Pelarasan tahun lepas	(115,143)	-	(45,000)	(46,364)	-	-	(206,507)	(128,118)	-	-	28,761	-	-	(98,357)
Seperti yang dinyatakan semula	64,605,753	246,688,835	1,830,707	46,101,472	7,000,000	-	366,226,767	58,017,776	221,708,564	749,525	41,096,813	7,000,000	-	328,572,678
Lebihan bagi tahun	48,898,298	135,309	7,976,313	3,391,340	-	-	60,401,280	6,703,120	350,681	1,126,182	5,051,023	-	-	13,231,006
	113,504,051	246,824,144	9,807,020	49,492,812	7,000,000	-	426,628,027	64,720,896	222,059,245	1,875,707	46,147,836	7,000,000	-	341,803,684
<b>Geran Kerajaan Tertunda</b>														
Perubahan dalam tahun semasa	-	8,561,121	-	-	-	-	8,561,121	-	24,629,590	-	-	-	-	24,629,590
<b>Baki Pada 31 Disember 2013</b>	<b>113,504,051</b>	<b>255,385,265</b>	<b>9,807,020</b>	<b>49,492,812</b>	<b>7,000,000</b>	<b>-</b>	<b>435,189,148</b>	<b>64,720,896</b>	<b>246,688,835</b>	<b>1,875,707</b>	<b>46,147,836</b>	<b>7,000,000</b>	<b>-</b>	<b>366,433,274</b>


**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>				
Lebih pendapatan selepas cukai	62,048,690	13,203,308	60,401,260	13,231,006
Pelarasan untuk:-				
Susutnilai tahunan	11,523,828	9,411,494	11,514,432	9,411,494
Geran pembangunan yang direalisasi	(6,625,873)	(4,179,645)	(6,625,873)	(4,179,645)
Peruntukan hutang ragu	30,156	16,623	30,156	16,623
Peruntukan manfaat pekerja	1,009,367	1,217,214	1,009,367	1,217,214
Percukaian	2,400	-	-	-
Keuntungan bank	1,139,859	-	-	-
<b>Lebih Pendapatan Sebelum</b>				
<b>Perubahan Modal Kerja</b>	69,128,427	19,668,994	66,329,342	19,696,692
(Tambahannya)/Kurangan dalam				
- Inventori	(14,880)	-	-	-
- Penghutang	(1,130,896)	(677,020)	(2,630,896)	(581,974)
- Deposit dan prabayar	(19,416,253)	24,976	(2,474,370)	24,976
Tambahannya/(Kurangan) dalam				
- Pemiutang	(1,221,618)	511,042	(898,710)	511,042
- Deposit dan pelbagai terakru	467,569	(355,037)	449,873	(354,357)
<b>Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi</b>	<b>47,812,349</b>	<b>19,172,955</b>	<b>60,775,239</b>	<b>19,296,379</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(48,435,968)	(14,719,415)	(13,301,486)	(14,719,415)
Projek dalam kemajuan	(9,610,176)	(25,768,855)	(9,610,176)	(25,768,855)
Pelaburan dalam anak syarikat	-	-	-	(1,499,996)
Jualan saham	-	2	-	-
<b>Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>(58,046,144)</b>	<b>(40,488,268)</b>	<b>(22,911,662)</b>	<b>(41,988,266)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Geran pembangunan diterima	15,186,994	28,809,235	15,186,994	28,809,235
Pembayaran manfaat pekerja	(566,751)	(405,780)	(566,751)	(405,780)
Pinjaman	53,615,633	-	-	-
<b>Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>68,235,876</b>	<b>28,403,455</b>	<b>14,620,243</b>	<b>28,403,455</b>
<b>Tambahan Bersih Dalam Tunai</b>				
<b>Dan Kesetaraan Tunai</b>	<b>58,002,081</b>	<b>7,088,142</b>	<b>52,483,820</b>	<b>5,711,568</b>
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	109,867,028	102,778,886	108,390,286	102,678,718
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>	<b>167,869,109</b>	<b>109,867,028</b>	<b>160,874,106</b>	<b>108,390,286</b>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada:-</b>				
Tunai di tangan dan di bank	68,726,341	65,991,475	61,731,338	64,514,733
Simpanan tetap	99,142,768	43,875,553	99,142,768	43,875,553
	<b>167,869,109</b>	<b>109,867,028</b>	<b>160,874,106</b>	<b>108,390,286</b>



## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

#### 1. MAKLUMAT UMUM

a. Penubuhan

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan Universiti awam yang ke-19, diperbadankan pada 1 September 2006 dan diwartakan pada 7 Disember 2006 [P.U.415 (A)]. UMK ditubuhkan dengan visi sebagai Peneraju Pembangunan Modal Insan Bercirikan Keusahawanan Bagi Kesejahteraan Global. Objektif utama Universiti adalah menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi ko-kurikulum.

b. Aktiviti Utama

UMK adalah sebuah Universiti yang mengkhusus Keusahawanan sebagai teras.

c. Bilangan Staf

Bilangan staf UMK pada akhir tahun kewangan 2013 adalah seramai 954 orang (2012 : 765 orang) yang terdiri daripada staf tetap seramai 434 orang (2012 : 384 orang) dan staf sementara/kontrak seramai 520 orang (2012 : 381 orang).

d. Bilangan Pelajar

Pengambilan pelajar bagi sesi 2013/2014 adalah seramai 2,743 orang dan jumlah enrolmen sehingga 31 Disember 2013 adalah seramai 6,473 orang (2012 : 4,384 orang).

e. Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2013 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 22 Ogos 2014.

#### 2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar Universiti adalah untuk memastikan risiko pasaran, risiko kredit dan risiko kecairan diuruskan bagi menjaga kepentingan Universiti dan mengawal risiko bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan keutuhan kewangan Universiti.



## 2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

### a. Risiko Pasaran

Bagi tahun kewangan 2013, Universiti tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana tiada sebarang pinjaman dan tiada pelaburan jangka panjang. Pelaburan jangka pendek adalah melalui simpanan tetap di syarikat kewangan berlesen.

### b. Risiko Kredit

Risiko kredit wujud bila sesuatu pendahuluan, sewaan atau yuran/caj yang dikenakan dibuat secara kredit. Risiko kredit dikawal dan diuruskan dengan membuat penilaian dan pemantauan baki kredit bagi setiap penghutang.

### c. Risiko Kecairan

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah terkawal kerana Pengurusan Universiti sentiasa memastikan bahawa aliran tunai mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

### a. Asas Penyediaan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut konvensyen kos asal dan mengikut piawaian-piawaian yang diluluskan.

### b. Asas Penyatuan Akaun

Mulai tahun 2011, Akaun Kumpulan meliputi kesemua Kumpulan Wang Universiti dan anak syarikat yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Semua urusan di antara Kumpulan telah dihapuskan semasa penyatuan dan yang akan disatukan mengambil kira urusan luar sahaja.

### c. Pelaburan Dalam Anak Syarikat

Anak syarikat adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti. Pelaburan dalam anak syarikat dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai, jika ada.



### 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### d. Pengiktirafan Pendapatan

- i. Geran Kerajaan bagi Kumpulan Wang Mengurus diakaunkan berdasarkan asas tunai dan dinyatakan dalam Penyata Pendapatan.
